

Jilid 1
Bil. 68



Hari Isnin
21hb Oktober, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 11273]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 11274]

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]

Y.B. Wan HanaHah bin Wan Mat Saman (Kota Setar)

Y.B. Dato* Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha [Kuala Rajang [Ruangan 11276]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11277]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Seruan Parlimen Malaysia kepada Majlis Pentadbiran Tentera Myanmar—
Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) [Ruangan 11334]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan
11337]

KANDUNGAN—(samb.)

**RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)—MENARIK
BALIK [Ruangan 11339]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Sewa-Beli (Pindaan) [Ruangan 11339]

Rang Undang-undang Relif Spesifik (Pindaan) [Ruangan 11377]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFI-
DAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi),

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Perlahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.U., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.MJ. (Kota Tinggi).

Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kcpala Batas).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Perpaduan Negaradan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, I.B.S. (Mukah).
- Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titawangsa).
- Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI. A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis),
- Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tengah)

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat)

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. AU, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATO MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K.

DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (BactlOk).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

TUN DAIM ZAINUDIN, S.S.M., D.H.M.S..S.S.A.P. (Merbok).

DR V. DAVID (Puchung).

TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelulong).

„ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

„ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAIANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

DATUK MONOGOHO OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.I., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Inlan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIYEL (Hulu Selangor).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

„ DATO' HAJI QAMARUZZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (BAGAN SERAI).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK Mnti, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Sctar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

TUAN HAJI WAN MOHD, JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAK JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFEY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong, Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah bini Azizi,

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Isnin, 21hb Oktober, 1991***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA****MEMPERKENANKAN AKTA-
AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mem-persetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1991;
2. Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam)(Pindaan dan Perluasan) 1991;
3. Akta Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991;
4. Akta Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) 1991;
5. Akta Penerbangan Awam (Pindaan); 1991
6. Akta Perkhidmatan-Perkhidmaian Lapangan Terbang dan Penerbangan (Syarikat Pengendali) 1991;
7. Akta Keretapi 1991;

8. Akta Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991;
9. Akta Optik 1991;
10. Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1991;
11. Akta Perkhidmatan Pos 1991;
12. Akta Perkhidmatan Pos (Syarikat Pengganti) 1991;
13. Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991;
14. Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran) 1991;
15. Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1991; dan
16. Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan).

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha mem-bacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"7hbOgos, 1991.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam)(Pindaan dan Perluasan);
3. Rang Undang-undang Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah);
4. Rang Undang-undang Perbehalan Tambahan (1990 dan 1991);
5. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perkhidmatan-Perkhidmatan Lapangan Terbang dan Penerbangan (Syahkat Pengendali);
7. Rang Undang-undang Keretapi;
8. Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti);
9. Rang Undang-undang Optik;
10. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos;
12. Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Syarikat Pengganti);
13. Rang Undang-undang Perlin-dungan Kanak-kanak;
14. Rang Undang-undang Lembaga Loteh Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran);
15. Rang Undang-undang Pengambil-an Tanah (Pindaan); dan

16. Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA."**

**CUTI KEPADA AHLI-AHLI -
KEBENARAN**

*Y.B. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
(Batang Lupar)*

*Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat
Saman (Kota Setar)*

*Y.B. Dato' Abang Abu Bakar bin Datu
Bandar Abang Haji Mustapha (Kuala
Rajang)*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membcnarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (1) Yang Berhormat Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Ahli bagi kawasan Batang Lupar dari 1hb November hingga 8hb November, 1991;
- (2) Yang Berhormat Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, Ahli bagi kawasan Kota Setar dari 21hb Oktober hingga 4hb November, 1991; dan
- (3) Yang Berhormat Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Ahli bagi kawasan Kuala Rajang dari 21hb Oktober hingga 29hb Oktober, 1991.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PEKERJA BURUH WANITA/
LELAKI DALAM INDUSTRI
ELEKTRONIK**

1. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapa ramaikah bilangan tenaga buruh wanita dan lelaki dalam sektor perindustrian elektronik; dan
- (b) pernahkah Kementerian membuat kajian terperinci mengenai kesan kesihatan jangka panjang pekerja-pekerja kilang elektronik dan petrokimia. Jika tidak, apa sebab.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut perangkaan bulanan Jabatan Perangkaan, jumlah pekerja dalam sektor perindustrian elektronik sehingga bulan Jun 1991 ialah seramai 120,439 orang. Daripada jumlah ini, seramai 93,944 orang adalah pekerja wanita dan seramai 26,495 orang adalah pekerja lelaki.
- (b) Kementerian ini melalui Jabatan Kilang dan Jentera sentiasa menjalankan pemeriksaan dan penilaian ke atas bahaya kesihatan di semua kilang, termasuk kilang-kilang elektronik dan petrokimia. Sehingga kini, penilaian pernah dibuat terhadap pendedahan pekerja kepada bising dan bahan-bahan kimia yang berbahaya. Bagi tujuan mencegah kesan negatif kepada kesihatan kaum pekerja,

Kementerian ini telah mengubal dan menguatkuasakan Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Pendedahan Bising) 1989. Di samping itu, satu peraturan juga sedang digubal bagi mengawal kegiatan penggunaan bahan kimia berbahaya di kilang-kilang.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenyataan yang dibuat oleh Presiden MTUC, Tuan Zainal Rampak di antara punca kekurangan tenaga buruh wanita di kilang-kilang di antaranya, ada pihak kilang, terutama kilang elektronik tidak mengizinkan wanita-wanita Islam memakai pakaian tudung kepala ketika mereka menjalankan kerja. Oleh itu, soalnya apakah nasihat yang akan diberi oleh pihak Kementerian kepada kilang-kilang supaya kilang-kilang mengizinkan wanita yang menutup aurat yang memakai pakaian secara Islam dibolehkan bekerja di kilang-kilang, terutama kilang-kilang elektronik. Apakah nasihat pihak Kementerian kepada kilang-kilang tersebut?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan berkailan dengan soalan pokok. Saya minta notis.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan jawapan Yang Berhormat mengenai soalan yang kedua tadi, sejauh mana kajian dan siapakah yang membuat kajian berhubung dengan kesan sampingan bagi mereka yang bekerja di kilang-kilang elektronik?

Yang kedua, kita cuma membaca sahaja tentang artikel-artikel yang dikeluarkan oleh WHO dan juga lain-lain lagi bahawa memang ada kesan sampingan bagi mereka yang bekerja di kilang-kilang elektronik yang terdedah dengan pancaran-pancaran tertentu. Jadi, soalan saya, apakah ada kajian dibuat mengenai zuriat ataupun para

pekerja wanita yang terlibat kesan sampingan bagi anak-anak yang dilahirkan oleh wanita-wanita yang bekerja dengan kilang-kilang elektronik? Setakat ini kita membaca bahawa negara-negara membangun memang ada kesan sampingan kepada mereka yang terlibat dengan kerja-kerja ini iaitu ada kesan sampingan kepada zuriat. Jadi, di Malaysia ini adakah pernah kajian dibuat? Dan jawapan Yang Berhormat mengenai soalan (b) tadi seolah-olahnya ada kajian dibuat dan siapa yang membuat kajian? Adakah Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat Dato' Lee Kim Sai membuat kajian mengenai perkara ini?

Dato' M. Mahalingam: Menjawab soalan Ahti Yang Berhormat, kajian tidak ada seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai zuriat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pada asalnya soalan ini ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kelang pada tarikh yang sama dan juga soalan Yang Berhormat dari Alor Setar bertarikh 28 November, 1991.

Tuan Yang di-Pertua: Sila beritahu bilangannya, oleh kerana kita hendak rekodkan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: No. 10, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi satu?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Lagi satu bertarikh 28 November, 1991 Yang Berhormat dari Alor Setar.

BAYARAN ATAS BORANG/ PELBAGAI PERKHIDMATAN KERAJAAN

2. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah rasional rancangan beliau bahawa rakyat dikenakan bayaran perkhidmatan Kerajaan dan borang-borang;
- (b) apakah perkhidmatan Kerajaan yang akan dikenakan bayaran, jumlahnya dan bilakah ia akan dilaksanakan;
- (c) apakah jumlah wang yang dijangka akan dikutip oleh Kerajaan;
- (d) adakah rancangan ini satu langkah menswastakan semua perkhidmatan dan bermakna bahawa ia akan diikuti oleh penghapusan atau pengecualian atau pengurangan bayaran cukai; dan
- (e) sebutkan negara lain yang mengenakan bayaran sedemikian ke atas rakyat mereka.

10. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Kewangan menyatakan apakah jenis bayaran perkhidmatan yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan ke atas rakyat dan apakah nama Jabatan-jabatan dan agensi yang terlibat dan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan terlaksananya langkah ini bererti perkhidmatan awam semakin membebankan rakyat jelata.

28.11.91

4. Tuan Cbor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pembayaran untuk menggunakan borang bagi permohonan dalam bidang

kuasa Persekutuan akan diseragamkan seluruh negara atau membenarkan Kerajaan Negeri masing-masing untuk ditetapkan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini, tujuan cadangan Kerajaan mengenakan bayaran ke atas borang-borang untuk tidak menggalakkan tabiat membazirkan borang-borang yang diberikan secara percuma dan dengan demikian akan dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Kerajaan juga bercadang mengenakan bayaran ke atas perkhidmatan-perkhidmatan lain yang setakat ini diberikan secara percuma dengan tujuan untuk menampung sebahagian kos pemberian perkhidmatan berkenaan dan dengan demikian juga akan dapat mengawal perbelanjaan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa pada masa sekarang beberapa jenis borang dan berbagai-bagai perkhidmatan Kerajaan telahpun dikenakan bayaran. Contohnya, beberapa jenis borang Pejabat Tanah, Jabatan Kastam dan Jabatan Kehakiman telahpun dikenakan bayaran tetapi pada kadar yang minima iaitu antara 10 sen hingga 60 sen,

Bagi perkhidmatan-perkhidmatan pula, pada masa ini berbagai-bagai perkhidmatan Kerajaan telahpun dikenakan bayaran seperti bayaran hospital, bayaran peperiksaan, bayaran pendaftaran, pos dan lain-lain lagi. Dengan demikian, cadangan ini hendaklah dianggap sebagai cadangan untuk memperluaskan jenis borang dan perkhidmatan yang wajar dikenakan bayaran. Ianya akan dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip "user charges", dengan izin, di mana kos pengeluaran borang-borang dan perkhidmatan berkenaan hendaklah

seboleh-bolehnya dibayar oleh orang-orang yang menggunakannya. Dengan demikian, orang-orang yang tidak menggunakan borang atau perkhidmatan itu lidaklah dikenakan apa-apa bayarannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan adalah di peringkat akhir dalam menyediakan garis panduan di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan untuk mencniukan apakah jenis borang dan perkhidmatan yang wajar dikenakan bayaran. Melalui garis panduan ini, Kerajaan akan memastikan kadar-kadar yang dikenakan adalah scragam berpatutan serta tidak membebaskan rakyat yang berpendapatan rendah. Di antara perkara-perkara yang akan diberikan perkhidmatan pdalah seperti berikut:

- (i) kadar yang dikenakan adalah berdasarkan kepada prinsip "user charges" dan hendaklah selaras dengan kos borang ataupun perkhidmatan yang dikenakan;
- (ii) bayaran tidak akan menjejaskan minat masyarakat menggunakan perkhidmatan Kerajaan berkenaan;
- (iii) borang-borang mudah diperolehi oleh orang ramai;
- (iv) prosedur pungutan bayaran hendaklah mudah bagi mengawal penyelewengan dan tidak menambah kos pentadbiran;
- (v) jaminan diberi supaya masyarakat miskin boleh mendapat perkhidmatan dengan pertimbangan yang sewajarnya; dan
- (vi) keputusan mengenakan bayaran ke atas sesuatu borang atau perkhidmatan dibuat berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1991 Kerajaan menganggarkan jumlah hasil daripada punca-punca ini sebanyak kira-kira \$545 juta daripada bayaran perkhidmatan, \$2.35 juta daripada jualan borang-borang.

Akhiraya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa cadangan Kerajaan bukanlah satu langkah menswastakan semua perkhidmatan Kerajaan sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kola Melaka. Ianya adalah satu cadangan bagi menambah hasil berdasarkan kepada prinsip "user charges."

Soal penghapusan, pengecualian ataupun pengurangan bayaran cukai tidak timbul kerana borang dan perkhidmatan yang akan dikenakan bayaran adalah borang dan perkhidmatan tertentu yang tidak dinikmati oleh semua orang. Umpamanya, bayaran hospital hanya dibayar oleh orang-orang yang mendapat rawatan di hospital. Namun orang itu masih perlu membayar cukai lain yang dikenakan atasnya.

Saya juga ingin menegaskan sungguhpun mungkin terdapat negara-negara lain yang tidak mengenakan bayaran borang dan perkhidmatan tertentu yang disediakan oleh Kerajaan, namun ini tidak bermakna kita tidak wajar mengenakan bayaran-bayaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar bertanya sama ada pembayaran borang-borang ini hendak diseragamkan di seluruh negara. Saya ingin menjelaskan bahawa peraturan Kerajaan Persekutuan adalah untuk digunakan bagi Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan bagi tujuan penyeragaman Kerajaan Negeri hendaklah menerima pakai peraturan-peraturan Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang diamalkan sekarang bagi peraturan-peraturan Kerajaan Persekutuan yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah wang yang disebutkan tadi yang mengakibatkan pembaziran akibat daripada penggunaan borang-borang yang tidak cermat oleh para pengguna? Apakah jumlahnya dari segi wang dan menurut jawapan tadi yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa jumlah wang yang dikutip daripada penjualan borang-borang ialah \$2.3 juta. Memandangkan bahawa jumlah ini adalah kecil, tidakkah boleh pihak Kerajaan menanggung perbelanjaan ini demi faedah orang-orang miskin, kerana ini bukanlah satu jumlah yang sangat besar.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat boleh menyebutkan negara manakah yang mengamalkan dasar ini, kalau boleh. Kalau tidak, harap boleh jawab tidak. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada kajian kos faedah daripada mana-mana sumber untuk mengatakan bahawa berapa jumlah yang dapat diselamatkan apabila borang-borang dikenakan bayaran selepas daripada ini, tetapi ini adalah di antara langkah, walau betapa kecil sekalipun untuk memperkenalkan dan diamalkan oleh masyarakat supaya wujud disiplin di kalangan kita supaya terhindar daripada amalan-amalan pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masyarakat miskin, telah dikatakan tadi di antara garis panduan yang akan ditekankan ialah bahawa masyarakat miskin akan terpelihara daripada dikenakan bayaran yang tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, telah saya jawab sebentar tadi bahawa kalau tidak ada pun negara-negara lain sebagai

contoh yang tidak mengenakan bayaran, maka apabila kita melihat kewajarannya dilangsungkan di Malaysia ini maka tidak ada sebab mengapa Malaysia tidak boleh terkecuali daripada amalan negara-negara lain.

PENYAKIT AIDS—PUNCA MEREBAKNYA WABAK

3. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bagaimanakah seriusnya kedudukan wabak penyakit AIDS di seluruh negara sekarang dan apakah punca-punca utama kepada merebaknya wabak tersebut;
- (b) berapa ramaikah pengidap penyakit AIDS yang telah dikenalpasti di Malaysia selama ini dan berapakah jumlah yang telah meninggal dunia dan beri pecahannya mengikut jantina, umur, tempat serta profession; dan
- (c) berapa ramai pula jumlah pembawa virus HIV di seluruh negara sekarang dan beri pecahannya mengikut jantina, umur, tempat dan profession.

16. Tuan Wong Wing On minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk memasti dan menjamin bahawa semua simpanan darah manusia di institusi-institusi perubatan di negara ini adalah bebas dari pencemaran HIV yang boleh mengakibatkan AIDS.

22. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi ancaman AIDS yang kian meningkat di negara ini.

30. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah penyakit AIDS yang semakin serius dijangkiti itu:

- (a) sama ada Kerajaan akan memastikan semua pelancong dari luar negara itu mengadakan ujian darah sebelum mereka itu dibenar masuk ke negara kita;
- (b) apakah langkah digunakan untuk mengesan pelacur-pelacur dan penagih-penagih dadah yang dijangkiti dengan virus AIDS itu;
- (c) sama ada Kerajaan akan menyelidik semua darah sebelum darah itu disalurkan; dan
- (d) adakah Kerajaan telah mengenalpastikan tempat untuk mengasingkan pesakit dan pembawa AIDS itu.

Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Penua, pada sidang mesyuarat Dewan Rakyat kali ini terdapat 35 soalan mengenai penyakit AIDS yang telah dikemukakan. Ini termasuk soalan-soalan No.16, 22 dan 30 pada hari ini, serta 31 soalan lagi untuk esok, 22.10.91 hingga 20.12.91. Oleh yang demikian, saya ingin meminta izin untuk menjawab semua pertanyaan tersebut secara sekaligus pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Lee Kim Sai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sejak kes AIDS pertama dikesan pada 19hb Disember, 1986, sejumlah 32 kes AIDS telah dikesan sehingga 28hb September, 1991. 27 orang daripada mereka telah meninggal dunia. Dalam tempoh yang sama, Kementerian Kesihatan telah juga dapat mengesan 1,715 pembawa HIV. Kebanyakan kes AIDS dan pembawa HIV ini adalah lelaki, iaitu 97.1%, berumur di antara 16 - 30 tahun, iaitu 61.6% datang dari berbagai-bagai

profesion, dari penganggur sehinggalah golongan profesional. Mereka dikesan di semua negeri kecuali negeri Sabah.

Punca-punca utama merebaknya AIDS di negara kita ialah:

- (i) melalui berkongsi jarum suntikan yang tercemar dengan kuman HIV seperti di kalangan penagih dadah; dan
- (ii) melalui hubungan seks dengan orang yang telah dijangkiti kuman itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah yang dikesan di negara kita adalah jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan perangkaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), di mana dianggarkan lebih 1,5 juta kes AIDS dan 8-10 juta orang pembawa HIV dikesan di lebih 150 buah negara di seluruh dunia. Di Negeri Thai terdapat 200,000-300,000 pembawa HIV pada masa ini. Kerajaan memandang serius kedudukan penyakit AIDS di negara ini walaupun bilangan kes dan pembawa HIV ini jauh lebih kecil daripada negara lain. Ini adalah kerana tidak ada ubat atau vaksin yang berkesan bagi penyakit ini dan cara merebak tertumpu kepada tabiat dan cara hidup seseorang individu. Dengan itu, AIDS berpotensi mengancam kehidupan rakyat di seluruh negara ini sekiranya kita tidak terlibat bersama-sama dengan mengambil langkah-langkah untuk mencegahnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal, mencegah dan membendung ancaman penyakit ini, Kementerian Kesihatan telah dan sedang mengambil beberapa langkah semenjak tahun 1985 lagi meliputi seluruh negara termasuklah negeri Sabah. Langkah-langkah tersebut ialah:

1. Memberi makluman dan pendidikan kesihatan yang secukupnya kepada orang ramai, kakitangan perubatan dan

kesihatan, golongan berisiko tinggi dan juga pesakit AIDS.

2. Memastikan semua darah yang digunakan adalah selamat.
3. Hanya menggunakan hasil-hasil darah (blood products) yang dirawat dengan bahang panas (heat-treated) sahaja.
4. Pengawalan melalui undang-undang di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.
5. Membentuk Pasukan Petugas AIDS dan lain-lain jawatankuasa kerja untuk menasihati Kementerian Kesihatan mengenai dasar-dasar dan perancangan strategi untuk pencegahan dan pengawalan penyakit AIDS yang sedia ada.
6. Mengedarkan "Pelan Tindakan Pencegahan dan Kawalan AIDS" untuk kegunaan kakitangan perubatan dan kesihatan di seluruh negara.
7. Memberi khidmat rawatan perubatan termasuk kaunseling perubatan kepada semua mereka yang dijangkiti oleh kuman HIV serta penyiasatan susulan untuk menentukan punca jangkitan dan konteks pesakit.
8. Menjalankan pengawasan ujian darah untuk jangkitan kuman HIV di kalangan mereka yang berisiko tinggi terutamanya penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan, dan pelacur-pelacur. Program pengawasan ini meliputi Pusat-pusat Pemulihan seperti Penjara, Rawatan dan Pemulihan Dadah, Taman Sri Putri dan Hospital dan Klinik Kerajaan serta swasta.
9. Menjalankan program latihan kakitangan perubatan dan kesihatan yang berkaitan khusus mengenai penyakit AIDS.

10. Bekerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan dan badan-badan sukarela untuk pendidikan kesihatan.
11. Mengadakan kerjasama, pertukaran maklumat serta pengalaman mengenai penyakit AIDS dengan negara-negara jiran dan WHO.

Kumpulan sasaran yang paling utama dalam langkah-langkah yang disebutkan tadi ialah penagih dadah dan merekayang mempunyai banyak pasangan seks.

Selain daripada langkah-langkah yang telah/sedang diambil ini, Kerajaan juga sedang menimbang tain-lain langkah tambahan di antaranya seperti:

1. Melipatgandakan aktiviti pendidikan kesihatan dengan penglibatan semua agensi Kerajaan, pihak swasta, pertubuhan sukarela dan juga seluruh masyarakat.
2. Memeriksa pelacur-pelacur dari semasa ke semasa untuk mengesan dan mengubati pnyakit kelamin (Yenereal Disease (VD)).
3. Memperkukuhkan organisasi program pencegahan dan kawalan penyakit AIDS.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan bekaian darah, sukacita dimaklumkan bahawa ujian saringan yang dijalankan sekarang ialah melalui kaedah ELISA (Enzyme linked immunosorbent assay). Kaedah ini adalah sensitif dan lerbaik dan sama seperti yang digunakan di negara-negara maju.

Walau bagaimanapun, 15 termasuk 14 pesakit haemophilia telah dijangkiti oleh kuman HIV melalui pemindahan darah dan hasil darah diimport sebelum tahun 1985.

Mengenai seorang pesakit tua yang dilaporkan menerima pemindahan hasil darah (platelets) yang tercemar oleh kuman HIV, pihak Hospital Universiti masih lagi menjalankan penyiasatan untuk menentukan punca kesilapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengawasan ke atas golongan tertentu, sehingga ini purata 3.7% banduan penjara dan 0.6% pelacur yang diuji didapati dijangkiti oleh kuman HIV. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak bercadang mewajibkan pemeriksaan darah ke atas pelancong-pelancong di mana-mana pintu masuk ke negara ini.

Mengenai pengawalan AIDS di kalangan pelacur-pelacur, Kementerian Kesihatan sedang berbincang dengan lain-lain agensi Kerajaan mengenai peruntukan undang-undang untuk mengawal pelacuran di negara ini. ;

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak memaksa sesiapa yang disyaki supaya menjalani ujian darah walaupun ada peruntukan undang-undang di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkii 1988. Mereka tidak perlu diberi apa-apa kad secara routine tetapi akan dibcri surat rujukan perubatan apabila mereka ingin mendapatkan rawatan perubatan daripada lain-lain doktor seperti yang sedia diamalkan dengan lain-lain pesakit.

Kerajaan juga belum ada cadangan untuk mendirikan hospital khas ataupun tempat pengasingan untuk pesakit AIDS atau pembawa kuman HIV.

Berhubung dengan perlindungan insurans untuk kakitangan Kerajaan tertentu yang bcrurusan dengan pesakit AIDS, Kerajaan akan mengkaji perkara ini dengan lebih lanjut,

Tuan Yang di-Pertua, amatlah perlu setiap individu memastikan perhubungan seks yang selamat. Ini dapat dilakukan dengan menghadkan

hubungan seks kepada seorang pasangan sahaja seperti suami. Walau bagaimanapun, jika mengadakan hubungan seks dengan seseorang yang taraf kesihatannya tidak diketahui, maka penggunaan kondom dapat mengurangkan risiko jangkitan kuman HIV. Selain daripada itu, individu-individu yang mengamalkan cara hidup yang mendedahkan diri kepada jangkitan kuman HIV perlu menukar cara hidup itu. Contohnya, mereka yang menagih dadah perlulah diberhentikan amalan berkongsi jarum suntikan dengan sertamerta. Mereka yang terjebak dalam penagihan dadah perlulah mendapat pertolongan dan rawatan.

Akhirkata, saya ingin menyeru semua agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, pihak swasta, orang perseorangan, keluarga mereka dan seluruh masyarakat supaya bekerjasama untuk mencegah dan mengawal penyakit ini daripada merebak, Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, nampaknya ada kecuaiian (negligence) pihak Hospital Universiti dalam satu kes. Selain daripada kes ini, adakah kes-kes lain? Jikalau tidak, di dalam kes ini, adakah Kerajaan mampu untuk memberi pampasan kepada orang ini atas traumatic experience yang ada dialami oleh beliau?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi itu adalah satu kesilapan tetapi belum ditentukan point yang mana berlakunya kesilapan itu. Rasa saya pihak berkuasa (authority) Hospital Universiti itu sedia bertanggungjawab ke atas kesilapan itu. Tetapi setakat ini keluarga pesakit itu belum mengambil apa-apa tindakan legal atau mahkamah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, tadi Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan bahawa dua punca utama AIDS adalah penagihan dadah iaitu

penggunaan jarum yang secara bergilir-gilir dan juga bisexual ataupun seks berbagai pasangan. Ada atau tidak di dalam negara ini bahawa penyakit AIDS ditimbulkan daripada pihak-pihak yang melakukan perkelaminan sejenis ataupun homosexual?

Yang keduanya, adakah Kerajaan akan melengkapkan setiap hospital di daerah-daerah dengan alat yang digunakan untuk membuat treatment ke atas darah untuk mengesan darah yang mengandungi kuman HIV oleh kerana kami difahamkan hanya setengah-setengah hospital sahaja yang mempunyai alat yang sedemikian?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, jangkitan penyakit HIV didapati juga daripada hubungan seks berjenis dan bukan sahaja dari homosexual dan jarum yang dikongsi oleh kalangan penagih dadah. Jadi alat-alat di dalam hospital-hospital untuk sreen darah adalah didapati 50 ceni-res yang diperuntukkan alat sedemikian.

UNIVERSITI SARAWAK— PENUBUHAN

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kabinet telah memberikan kelulusan untuk menubuhkan universiti penuh di Sarawak dalam masa lima tahun dan jika ya, nyatakan tarikh bila Kabinet telah membuat keputusan ini dan memberikan butir-butir cadangan universiti di Sarawak berkenaan dengan saiznya, khususnya pengajian yang akan ditawarkan dan bila Universiti Sarawak penuh akan mula beroperasi.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sebuah universiti Sarawak masih dalam peringkat kajian kerana penubuhan sesebuah universiti itu memerlukan perancangan yang teliti

dan mendalam. Faktor-faktor fizikal seperti lokasi dan kemudahan-kemudahan untuk memenuhi keperluan akademik pelajar, kemudahan riadah dan pentadbiran dan faktor kewangan negara perlu dipertimbangkan. Begitu juga faktor-faktor bukan fizikal seperti tenaga pengajar yang berkelayakan, pelajar-pelajar dan program/kursus yang ditawarkan perlu diteliti agar penubuhan universiti itu kelak dapat mencapai matlamat untuk menambahkan peluang-peluang pendidikan tinggi serta dapat melahirkan guna tenaga yang menyumbang ke arah pembangunan negara.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan lambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa satu pengumuman ada dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada pilihanraya besar di negeri Sarawak bahawa mengenai penubuhan sebuah universiti Sarawak kalau perkara ini belum diputuskan, barulah dalam proses kajian. Adakah ini untuk semata-mata mendapat undi sahaja? Kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dalam kajian untuk penubuhan universiti-universiti baru, adakah ini untuk Sarawak atau untuk lain tempat semacam yang diumumkan baru-baru ini bahawa satu universiti baru di Batang Kali akan ditubuhkan. Adakah ini dapat persetujuan dan sokongan Kerajaan?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya mungkin kalau kita memahamkan Bahasa Malaysia dengan telitinya, kita telah menyatakan bahawa ini telah dimaklumkan di peringkat Kabinet dan adalah di dalam peringkat kajian. Soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi bahawa mengapa Menteri Pendidikan lelah membuat pengumuman, ini tidaklah berkaitan dengan jawapan kepada soalan itu di sini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari

Tanjong, Barisan Nasional menang di Sarawak bukan kerana pengumuman sahaja tetapi kerana Politik Pembangunan telah memberi kesan kepada Sarawak.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, syabas kepada Barisan Nasional sebab menang, (*Tepuk*) Tetapi menang jangan lupakan janji-janji. Jangan janji-janji bohong sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah bahawa memandangkan satu janji telahpun dibuat dalam menunaikan cogan kata development politics itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri serta Yang Berhormat Menteri Pendidikan sudah umumkan bahawa ini akan dibuat di negeri Sarawak. Itu semua orang dengar dengan gembiranya dan sokong Barisan Nasional cukup-cukup. Tetapi saya datang ke sini, dengar sahaja bahawa ianya pada taraf kajian sahaja. Kerajaan boleh mengambil masa panjang seperti 10 tahun, 20 tahun, 100 tahun pun boleh. Tidak guna. Bolehkah beri satu janji di sini bahawa dalam masa 5 tahunkah, 2 tahunkah, 10 tahunkah ataupun dalam satu minggu sahaja satu kajian boleh dijalankan dan satu keputusan dibuat supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan di sini boleh membelanjakan wang \$100 juta untuk mendirikan satu universiti. Itulah kalau dia deserves untuk menang.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ingin menjawab soalan ataupun hujah-hujah Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi kerana saya telah nyaiakan tadi bahawa bila kita menjalankan tugas di bawah Kerajaan Barisan Nasional Pusat, dan Negeri kita adalah bertanggungjawab atas apa yang telah kita uruskan dan 'deliver' kepada rakyat, dan selama ini kita bukan semata-mata mengasaskan kepada kemenangan atas janji-janji sahaja.

KADAR PINJAMAN LUAR NEGERI—MEMBAYAR BALIK

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Kadar pinjaman luar negeri (termasuk Bank Dunia) sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima hingga sekarang;
- (b) dalam tempoh itu juga berapakah keupayaan Kerajaan bagi membayar semula pinjaman luar; dan
- (c) dari jumlah pinjaman tersebut, apakah projek-projek besar dan kecil yang telah dapat dibiayai dan adakah ini termasuk juga projek pembasmian kemiskinan negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, pinjaman kasar luar negara yang diambil sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima adalah pada jumlah \$9,846 juta dan bayaran balik sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima adalah \$5,967 juta. Malaysia bukan sahaja mempunyai kemampuan untuk membayar balik hutang luar negara, malah juga mempunyai kemampuan untuk membuat bayaran-bayaran awal ataupun pre-payment, dengan izin, ke atas hutang-hutang tersebut. Kemampuan seperti ini sukar dicapai oleh negara-negara membangun yang lain kecuali negara-negara seperti Korea Selatan.

Untuk tahun-tahun bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah membayar balik pinjaman sebanyak \$25.668 juta. Jumlah ini adalah merupakan bayaran balik pokok dan faedah serta juga pra-bayaran iaitu \$15,817 juta bayaran pokok; \$6,918 juta bayaran mengikut jadual dan \$8,899 juta pra-bayaran dan \$9,881 juta bayaran faedah.

Akhirnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan membiayai 32 projek baru daripada pinjaman luar negeri termasuk daripada Bank Dunia dalam tempoh tersebut. Antara projek-projek baru yang dilaksanakan untuk tujuan membasmi kemiskinan ialah Projek Pembangunan Perikanan Kedua Johor Barat—\$143 juta, Projek Pembangunan Tanah FELCRA Kedua - \$178 juta, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Kalaka Saribas - \$74 juta dan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Perlis - \$95.8 juta. Selain daripada 32 projek baru itu, banyak lagi projek-projek yang bermula sebelum tempoh Rancangan Malaysia Kelima yang masih lagi dalam pelaksanaan. Kerajaan juga melaksanakan projek-projek yang dibiayai melalui pinjaman pasaran.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Apakah masalah yang dihadapi oleh pihak Kerajaan di dalam pembayaran hutang?

Kedua, berapa lamakah tempoh masa yang disyaratkan oleh pihak-pihak yang memberi pinjaman dan berapakah kadar faedahnya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara yang tidak ada masalah sekali-kali dalam soal membayar pinjamannya. Bahkan Malaysia merupakan negara yang dinamakan sebagai negara yang mampu membayar balik hutang-hutang jauh lebih awal. Pada hari ini Malaysia telah sampai kepada tahap tidak boleh membayar lebih awal lagi kerana ianya merugikan kita dari segi kira-kira perniagaan. Kita mampu membayar lebih awal, tetapi kita tidak membayarnya kerana perkiraan untung rugi kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada masalah langsung di dalam soal membayar balik hutang-hutang

Mengenai dengan kadar faedah, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sebutkan di sini bahawa kadar faedah bagi pinjaman projek yang diprolchi daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia ialah di antara 6% hingga 7.71%. Kadar faedah pinjaman pasaran pula iaitu pinjaman daripada sumber pasaran ialah di antara 6% hingga 10% dan kadar faedah pinjaman daripada punca kredit pembekal dan pinjaman dua hala iaitu pinjaman bilateral, dengan izin, adalah di antara 2.2% hingga 11.2%.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jangka masa pinjaman, ianya berbeza-beza di antara satu dengan yang lain.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tanpa membawa kerugian kepada negara ini, bolehkah agaknya bilakah agaknya semua pinjaman luar ini dapat dibayar dengan sepenuhnya dan mengapakah Kerajaan asyik dan cenderung untuk mendapat pinjaman daripada pasaran daripada projek untuk pinjaman dan sebagainya kerana pasaran memang mempunyai kadar faedah yang tinggi?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Malaysia sudah maju dengan pesatnya dan dianggap sebagai sebuah negara yang berjaya, maka ianya telah terkeluar dari senarai negara-negara yang boleh meminjam pada kadar yang murah dan ini adalah di antara bukti bahawa kita telah berjaya mengendalikan pengurusan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu kita terpaksa membayar mengikut kemampuan kita dengan meminjam dari sumber pasaran terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita terus meminjam, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa dalam usaha kita membangunkan ekonomi berdasarkan kepada cara kita

menguruskan dan mengendalikan ekonomi, maka adalah waras dan wajar lagi rasional untuk kita terus membangun menggunakan segala sumber-sumber kewangan yang mungkin datangnya, pertama; dari hasil negara itu sendiri; dari simpanan masyarakat kita sendiri dan menggunakan simpanan yang berada di seluruh dunia. Jadi, ini adalah caranya kita menggunakan simpanan-simpanan dalam negeri di peringkat antarabangsa untuk terus membangunkan negara kita.

HOSPITAL BARU SIBU— PEMBINAAN

6. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Kesihatan menyatakan samaada pembinaan Hospital Sibul yang baru adalah seperti yang dijadualkan.

Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembinaan Hospital Baru Sibul telah bermula pada 26hb Pebruari, 1991 dan dijangka siap pada 2Shb Ogos, 1993. Setakat ini kemajuan pembinaan hospital ini adalah mengikut jadual.

SESSI PERSEKOLAHAN SATU SIDANG

7. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah sesi persekolahan satu sidang dapat dilaksanakan di sekolah-sekolah negara ini;
- (b) berapa peratuskah sekolah yang telah memulakan sesi persekolahan satu sidang di negara ini; dan
- (c) apakah ada rancangan Kementerian untuk menghapuskan sistem dua pentadbir dalam satu sekolah.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (a) Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk mengadakan sekolah satu sidang keseluruhannya untuk sekolah menengah dan sekolah rendah. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk menyatakan bila semua sekolah dapat mengadakan satu sidang kerana ia tertakluk kepada peruntukan kewangan. Kementerian Pendidikan juga mengambil kira program-program dan projek-projek lain yang mendesak yang lebih diberi keutamaan dari segi penggunaan sumber kewangan.
- (b) Bilangan sekolah menengah yang telah melaksanakan sesi persekolahan satu sidang adalah sebanyak 592 buah atau 44.6% daripada sejumlah 1,327 buah sekolah menengah. Manakala bagi sekolah rendah pula, bilangannya adalah 5,876 buah atau 86% daripada jumlah 6,828 buah sekolah rendah.
- (c) Kementerian Pendidikan sedia maklum bahawa terdapat keadaan di mana sebuah bangunan sekolah dikongsi guna kemudahan dan juga bangunan dan kawasannya oleh dua buah sekolah yang berasingan. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah tersebut, sama ada di sidang pagi atau sidang petang, masing-masing mempunyai pentadbirnya sendiri. Setiap Pengetua atau Guru Besar sekolah tersebut adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urusan pentadbiran di sekolah masing-masing. Pada masa ini Kementerian Pendidikan sememangnya sedang memberi perhatian untuk mengatasi masalah ini. Keadaan ini akan dapat kita atasi apabila

Kementerian Pendidikan dapat mengadakan bilangan bangunan sekolah yang mencukupi selaras dengan peruntukan yang terdapat di Kementerian Pendidikan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian tidak ada hasrat untuk menyelaraskan cuti umum mingguan bagi setiap sekolah di Malaysia ini, misalnya cuti umum yang ada sekarang ini sebahagiannya pada hari Jumaat dan sebahagiannya pada hari Ahad. Alangkah baiknya jikalau kita menetapkan cuti umum hujung minggu ini pada hari Jumaat, sesuai dengan kedudukan agama Islam di negara ini sebagai agama rasmi?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar dari soalan asal.

PENYELEWENGAN DALAM KUB

8. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil penyiasatan polis berkaitan dengan laporan polis yang dibuat oleh Pemuda UMNO pada 25-8-1988 mengenai dengan penyelewengan dalam KUB; dan
- (b) apakah benar laporan polis tersebut telah ditarik balik dan apakah tindakan polis seterusnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Laporan Polis yang dibuat oleh Pemuda UMNO mengenai penyelewengan dalam KUB adalah pada 28hb Mei, 1988 dan bukan pada 25hb. Ogos,

1988. Hasil daripada penyiasatan Polis berkaitan dengan laporan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Seorang Pengarah anak syarikat KUB telah dihadapkan di mahkamah atas tuduhan pecah amanah jenayah di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksan yang melibatkan wang sebanyak \$1,975,000. Kes ini akan dibicarakan di mahkamah pada 7hb hingga 8hb November, 1991 dan 12hb hingga 15hb November, 1991.
 - (ii) Kes yang kedua, seorang Pengurus Besar sebuah lagi anak syarikat KUB telah dituduh di mahkamah di atas dua tuduhan pecah amanah jenayah di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksan yang melibatkan wang sebanyak \$115,966.15. Kes ini akan dibicarakan di mahkamah pada 18hb dan 19hb November, 1991 dan 30hb dan 31hb November, 1991.
- (b) Sehingga hari ini tidak ada mana-mana pihak menarik balik laporan Polis mengenai kes-kes di atas.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita mendengar kenyataan bahawa Pergerakan Pemuda UMNO akan menarik balik laporan Polis ini dan kita dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, sehingga ini tidak ada penarikan balik. Apakah pihak Polis akan meneruskan siasatan ke atas mana-mana anak syarikat lain di dalam KUB?

Soalan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini siapakah Pengurus anak syahkat yang dimaksudkan tadi yang sedang menghadapi tuduhan ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti telah saya maklumkan, setakat ini tidak ada mana-mana pihak yang telah menarik balik laporan Polis. Setakat ini pihak Polis masih menjalankan siasatan terhadap kedua-dua syarikat yang telah saya sebutkan tadi dan belum tamat siasatannya.

Mengenai nama kedua-dua Pengarah yang tersebut itu, saya rasa ini telahpun disiarkan pada masa mereka dituduh iaitu Abdullah bin Ismail, Pengarah Syarikat Talasco Insurance dan dari KUB ialah Mustapha bin Buang.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SELATAN

9. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan kesan-kesan lawatan Perdana Menteri ke Amerika Selatan seperti berikut:

- (a) Dari segi Diplomatik;
- (b) Perdagangan/Ekonomi;
- (c) Sosial; dan

apakah "follow-up" yang sedang dan akan diambil tindakan bagi kepentingan bersama.

23.10.91.

11. Tuan Michael Asang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia ke Mexico pada bulan September, 1991 dari segi Keselamatan, Ekonomi dan Sosial.

13.11.91.

5. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan rasmi ke Mexico dan negara-negara Amerika Selatan yang lain baru-baru ini dari segi usaha menarik pelaburan asing ke negara ini seria meningkatkan jumlah eksport Malaysia ke negara-negara tersebut.

5.72.9;

1. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam usaha menarik pelabur di Amerika Latin ke negara ini; dan
- (b) bagaimana kemajuan dalam bidang politik dan ekonomi dengan lawatan tersebut.

9.12.91.

5. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kejayaan-kejayaan dan kesan-kesan perdagangan, ekonomi dan politik hasil dari lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara Amerika Selatan baru-baru ini,

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang memerlukan jawapan yang sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Michael Asang pada 23hb Oktober, 1991, Yang Berhormat Fong Kui Lun pada 13hb November, 1991, Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Ahmad pada 5hb Disember dan Yang Berhormat Tuan Mohamed Kamal bin Hussain pada 9hb Disember tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa telah tiba masanya bagi negara kita mengadakan hubungan dengan negara-negara di Amerika Selatan. Ini adalah kerana kebanyakan negara-negara Amerika Latin kini sedang mengalami perubahan struktur yang pesat terutamanya dari segi ekonomi dan sedang berusaha mengamalkan dasar ekonomi liberal. Oleh itu, adalah perlu bagi Malaysia untuk meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara-negara tersebut. Ini adalah juga selaras dengan konsep kerjasama Selatan-Selatan yang negara kita terajui selama ini dan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara Amerika Latin menerima baik dan menunjukkan minat untuk mewujudkan hubungan perdagangan yang lebih erat dengan Malaysia dan negara-negara lain di rantau Asia Timur memandangkan pertumbuhan ekonomi yang pesat di rantau ini.

Di dalam hubungan ini lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya mewujudkan hubungan yang menguntungkan di antara ahli-ahli perniagaan Malaysia dengan pihak swasta negara-negara berkenaan. Adalah diharapkan ini akan dapat menggerak dan meningkatkan lebih banyak lagi hubungan perniagaan dan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

Di samping itu, sejajar dengan peningkatan hubungan perdagangan dan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan Chile, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Kedutaan di Chile di peringkat Duta Besar sebelum akhir tahun ini.

Malaysia telah juga menandatangani beberapa perjanjian kerjasama dua-hala dengan negara-negara berkenaan seperti

Perjanjian Perdagangan, Perjanjian Pembayaran Dua Hala dan Perjanjian Kerjasama Saintifik dan Teknikal.

Di samping itu juga, Malaysia dengan beberapa negara Amerika Latin sedang berunding untuk mengadakan hubungan pengangkutan secara udara lurus dengan menggunakan laluan sektor Selatan.

Memandangkan peningkatan peluang-peluang yang ada susulan daripada hubungan Malaysia dengan negara-negara Amerika Latin, maka Kerajaan akan terus memberi bantuan dan meningkatkan hubungan yang sedia ada sekarang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain 'keminatan' dan kerjasama dan hubungan yang baik yang telah disebutkan tadi, apakah jenis perdagangan yang akan diadakan dengan Amerika Latin ini, sama ada untuk eksport dan kalau untuk eksport, apakah benda-benda daripada Malaysia ataupun sama ada akan mengadakan usaha kerjasama (joint-venture), ataupun melabur untuk memiliki syarikat subsidiary di negara-negara Amerika Latin?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, berbagai cadangan lelahpun dan sedang diusahakan oleh kedua-dua pihak. Di antaranya daripada segi eksport, kita sudah tentu akan dapat mengeksportkan barangan buatan Malaysia yang kini mendapat sambutan yang baik di peringkat antarabangsa. Dan daripada segi import pula, kita sedang berusaha untuk mengimportkan iron billets yang baik mutunya daripada negara-negara berkenaan dan juga sedang kita berusaha untuk bekerjasama dalam bidang-bidang bahan keluaran kulit yang begitu established di Amerika Selatan. Selain daripada itu juga, investment ataupun

pelaburan antara dua pihak juga diperbincangkan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam rombongan Perdana Menteri melawat Amerika Selatan, seorang penyanyi irama jazz yang terkenal, Julie Sudiro dibawa serta dalam rombongan itu untuk upacara majlis-majlis sosial. Saya ingin bertanya adakah perbelanjaannya dibayar oleh Kerajaan. Kemudian soalan seterusnya, apakah Kerajaan negara lain juga ketika membawa rombongannya ke Malaysia membawa penyanyi-penyanyi mereka bersama untuk menimbulkan kesan-kesan sosial dan integrasi yang baik antara negara-negara berkenaan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi amalan Kerajaan kita semasa melawat negara-negara tertentu untuk membawa pasukan kebudayaan kita termasuk penyanyi-penyanyi yang tertentu bagi kita mengeratkan lagi hubungan kebudayaan antara negara kita dengan negara-negara yang berkenaan. Sesungguhnya budget untuk pembiayaan tersebut adalah diberikan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sebagai 'marketing expenses' ataupun cara-cara kita hendak menarik pelaburan untuk meningkatkan hubungan kebudayaan dan sebagainya antara kita dengan negara-negara lain. Negara-negara lain pun membuat begitu juga apabila mereka datang ke Malaysia.

SOALAN NO.10

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang kesepuluh pun telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

SKIM CEPAT KAYA—SIASATAN POLIS

11. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah tindakan telah diambil terhadap pengusaha-pengusaha Skim Cepat Kaya hingga ke saat ini;
- (b) nyatakan jenis-jenis tindakan yang telah diambil;
- (c) apakah Kerajaan telah berjaya memberkas semua pengusaha-pengusaha Skim Cepat Kaya yang terlibat; dan
- (d) apakah tindakan yang dilakukan terhadap jenis perniagaan yang berkonsepkan ala Skim Cepat Kaya yang sedang berjalan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada 16 Januari 1991, Cawangan Siasatan Jenayah Perdagangan, Bukit Aman telah melancarkan operasi yang diberi nama Ops Kaya ke atas Skim-skim Cepat Kaya yang dikenalpasti sebanyak 22 kesemuanya. Siasatan Polis dijalankan mendapati sebanyak 9 Skim Cepat Kaya yang bergerak secara aktif dan telah diambil tindakan.
- (b) Tindakan yang telah diambil terhadap pengusaha Skim Cepat Kaya ialah di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 di mana pengusaha-pengusaha skim itu ditangkap dan dikenakan Perintah Sekatan. Selain daripada itu mereka juga dituduh di Mahkamah di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.
- (c) Sehingga kini sebanyak 17 Waran Tangkap dan Tahan telah dikeluarkan oleh Menteri Dalam

Negeri ke atas 17 orang pengusaha/agen Skim Cepat Kaya. Dari bilangan itu seramai 10 orang pengusaha/agen Skim Cepat Kaya sedang menjalani Perintah Sekatan dan 7 orang lagi masih belum dapat ditangkap oleh pihak Polis. Manakala seramai 4 orang pengusaha Skim Cepat Kaya telah diambil tindakan melalui mahkamah.

- (d) Pihak Kerajaan sentiasa mengawasi dan menyiasat segala pengaduan yang dibuat oleh orang ramai, tentang apa sahaja bentuk perniagaan yang berkonsepkan ala Skim Cepat Kaya, serta mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas pengusaha-pengusaha Skim Cepat Kaya itu.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan apa yang telah dijelaskan oleh beliau dan juga tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan kita, sama ada masih terdapat lagi kegiatan Skim Cepat Kaya dijalankan di negara kita khususnya di kawasan utara, seperti Negeri Kedah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sepenimana yang telah saya jawab dalam bahagian (d) tadi, Polis sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya jikalau sekiranya ada apa-apa pengaduan.

Walau bagaimanapun, selain daripada 9 Skim Cepat Kaya yang dapat dikenalpasti iaitu mereka telah memperdayakan orang ramai dan lain-lain kegiatan belum mendapat apa-apa bukti, dengan itu pihak berkuasa masih mengambil perhatian yang berat terhadap Skim Cepat Kaya,

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah rasionalnya yang pihak Polis

membuang daerah seorang daripada penganjur Skim Cepat Kaya ini iaitu Pak Man Telo yang dibuang dachrah ke Terengganu, apakah ini memungkinkan beliau membuka lagi satu Skim Cepat Kaya di negeri yang belum lagi di tempoh iaitu di Terengganu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang ditahan di bawah Akta Kediaman Terhadap itu memang sentiasa dikawal dengan rapi oleh Polis tempatan. Seseorang itu tidak dapat menjalankan apa-apa kegiatan yang haram scbab memang kawalan Polis masih dikenakan sama ada kepada Pak Man Telo atau sesiapa yang kena tahan.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

12. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa dalam kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang ber-autonomi, seperti Dewan Bandaraya Ipoh, terdapat kelompok-kelompok kemiskinan, seperti kampung-kampung, termasuk kampung-kampung penempatan setinggan-setinggan dan perkampungan bagi mereka yang berpendapatan rendah, yang dahulunya mendapat kemudahan-kemudahan asas daripada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dan/atau daripada peruntukan Pembangunan Luar Bandar (PLB) tetapi sekarang ini tidak mendapat scbarang peruntukan PLB oleh kerana berada dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan tidak dapat peruntukan daripada Pihak Berkuasa Tempatan kerana dikatakan tidak ada peruntukan; dan

- (b) apakah dasar Kerajaan yang scbcnarnya mengenai perkara ini dan apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbeluk keadaan yang tidak saksama ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyedari bahawa adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan lain-lain projek pembangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang dikatakan Pihak Berkuasa Tempatan adalah secara automatik meliputi nama-nama penempatan yang terdapat dalam sempadannya. Memandangkan bahawa pada masa-masa yang lalu, Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai pruniukan yang kecil sahaja dalam tahun-iahun awal Rancangan Malaysia Kelima. Tidak banyak prcuntukan yang dapat mereka salurkan kepada semua kawasan dalam jagaan mereka. Oleh yang demikian, terdapat beberapa kawasan yang masih belum menerima beberapa kemudahan asas dengan sempurna.

Menyedari hakikat, itu maka dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam peruntukan yang lebih besar telahpun diperolehi, Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Kelima pembangunan di bawah program infrastruktur berjumlah \$21,450,000 sahaja tetapi dalam Rancangan Malaysia Keenam, pembangunan dalam program infrastruktur adalah berjumlah \$149,477,000. Begitu juga dengan kemudahan program sosial dan ekonomi, dalam Rancangan Malaysia Kelima jumlahnya ialah \$48,699,000 tetapi dalam Rancangan Malaysia Keenam jumlahnya ialah \$76,194,000.

Kerajaan menyedari bahawa Pihak Berkuasa Tempatan boleh memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Peranan-peranan tersebut adalah seperti merancang, melaksana, mengawal-selia dan menguatkuasa projek-projek pembangunan dalam kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, peranan dan pembangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan akan diperdngkatkan lagi. Dalam mencapai usaha ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengambil beberapa tindakan untuk berbincang dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan bagi memprbaiki keadaan yang sedang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 33 adalah diberi di bawah ini)

LETUPAN BOM MORTAR TENTERA SINGAPURA DI KAMPUNG PENDAS LAUT, JOHOR

13. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sebenarnya berlaku di dalam "peristiwa" pencembakan peluru meriam ke kawasan Kampung Pendas Laut, Johor pada 28 Julai 1991. Apakah kawasan Selat Teberau yang sempit itu sepatutnya menjadi kawasan military exercise.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Dimaklumkan bahawa "peristiwa" letupan bom mortar di perairan Kampung Pendas Laut pada 28 Julai 1991 adalah berdasarkan dari laporan penduduk kampung tersebut menyatakan mereka telah mendengar

dua letupan berlaku berhampiran dengan kampung mereka. Kejadian ini telah dilaporkan di Balai Polis Tanjung Kupang pada 29 Julai 1991. Dipercayai letupan tersebut adalah dari latihan menembak mortar oleh Tentera Singapura. Ekoran dari laporan tersebut, Kementerian Pertahanan telah mengharian empat penyelam dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk menyiasat dan mencari serpihan peluru tersebut, Dimaklumkan usaha tersebut telah tidak menghasilkan sebarang bukti.

Pihak Kementerian Pertahanan Singapura juga telah menafikan bahawa anggotanya telah melepaskan tembakan ke kawasan perairan Malaysia dan telah menyatakan prosedur yang diikuti semasa tembakan peluru hidup dilaksanakan yang mana tidak memungkinkan berlakunya kesilapan.

Dengan itu kedua-dua belah pihak telah bersetuju mclupakan saja insiden itu sebagai satu kejadian yang tiada bukti yang nyata dan kawasan Selat Teberau tidak pernah dijadikan kawasan latihan ketenteraan.

PENDUDUK MALAYSIA

14. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan sehingga sekarang:

- (a) jumlah penduduk negara;
- (b) jumlah penduduk negara mengikut anutan agama; dan
- (c) jumlah penduduk negara mengikut negeri-negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):

- (a) Jumlah penduduk Malaysia bagi tahun 1990 berdasarkan pertambahan semulajadi adalah dianggarkan seramai 17.76 juta orang.

(b) Jumlah penduduk Malaysia mengikut klasifikasi agama berdasar Banci 1980 (maklumat terakhir yang diperolehi) adalah seperti berikut:

Agama	Bilangan Penduduk	%
Islam	6,918,307	52.9
Kristian	842,990	6.5
Hindu	920,393	7.1
Buddha	2,265,456	17.3
Confucian/Tao/lain-lain agama tradisi orang Cina	1,518,683	11.6
Agama Suku Kaum/Folk	259,455	2.0
Lain-lain	69,750	0.5
Tiada agama	275,338	2.1
JUMLAH	13,070,372	100.0

(c) Anggaran jumlah penduduk Malaysia mengikut negeri bagi tahun 1990, berdasarkan hanya pertambahan semulajadi, adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Pnduduk* (dalam juta)
Johor Darul Takam	2.12
Kedah DaruUman	1.41
Kelantan Daml Naim	1.22
Melaka(0.58	
Negeri Sembilan Darul Khusus	0.72
Pahang Darul Makmur	1.06
Pulau Pinang	1.14
Perak Daml Ridzuan	2.22
Perlis Indera Kayangan	0.19
SeUngor Danil Ehsan	1.98
Trengganu Darul Iman	0.75
WUayah Persekutuan Kuala Lumpur	1.23
Semenanjung Malaysia	14.62
Sabah**	1.47
Sarawak	1.67
Malaysia	17.76

* Anggaran penduduk adalah berdasarkan pertambahan semulajadi dan tidak mengambil kira migrasi dalaman di anUra ncgeri-negeri.

** Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

PARTI KOMUNIS MALAYA— PERJANJIAN DAMAI

15. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) dibenarkan pulang ke Malaysia daripada Haadyai sejak Perjanjian Damai dibuat pada 2 Disember 1989. Apakah masalah yang dihadapi apabila mereka pulang ke kampung halaman mereka; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menerima lagi bekas-bekas anggota parti tersebut tinggal di Malaysia sedangkan ramai di antara mereka yang masih tidak mahu meninggalkan ideologi Komunis dan enggan mematuhi Perlembagaan Negara.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Sejak Perjanjian Damai dibuat pada 2 Disember 1989 terdapat seramai 13 orang bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) telah dibenarkan pulang ke Malaysia. Setakat hari ini tiada masalah yang timbul dari kepulangan mereka itu.
- (b) Masalah menerima kepulangan bekas-bekas anggota PKM yang lain adalah tertakluk kepada permohonan mereka. Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada permohonan itu berdasarkan syarat-syaratperjanjian yang telah dimetraikan pada 2 Disember 1989 itu.

(Soalan No. 16 Sila lihat jawapan No.3)

WAWASAN 2020

17. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan

akan membentangkan Usul Wawasan 2020 di Parlimen, bagi dibahas dan diluluskan selaras dengan matlamat negara maju dan perpaduan nasional yang berteraskan sebuah bangsa Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan warna kulit. Jika tidak, nyatakan sama ada:

- (a) Wawasan 2020 menyembunyikan rahsia mengenai agihan kekayaan negara hanya untuk kepentingan golongan tertentu;
- (b) Wawasan 2020 hanya kertas-kertas, yang tidak akan dapat dilaksanakan kerana tidak pernah diluluskan oleh Parlimen; dan
- (c) Wawasan 2020 hanya untuk menyaingi saranan 'masyarakat penyayang' seperti terkandung dalam manifesto Gagasan Rakyat dalam Pilihanraya Umum 21 Oktober 1990 lalu.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk membentangkan Wawasan 2020 khusus sebagai Usul untuk perbincangan dan kelulusan di Parlimen. Ini adalah kerana falsafah dan hasrat Wawasan 2020 sebenarnya sudahpun diambil kira dan diserapkan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN), yang telahpun diluluskan oleh Dewan ini pada bulan Julai yang lalu. Sesungguhnya, pelaksanaan DPN di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000 dan Rancangan Malaysia Keenam (1991-95), merupakan langkah pertama ke arah merealisasikan hasrat dan cita-cita Wawasan 2020.

Dalam pada itu, Kerajaan tidak berhasrat untuk menyekat mana-mana pihak untuk mengupas dan meneliti prinsip-prinsip dan strategi-strategi yang diketengahkan melalui Wawasan 2020. Sebagaimana yang Ahli-ahli

Yang Berhormat sendiri maklum, sehingga kini sudah banyak seminar dan perbincangan-perbincangan dianjurkan oleh berbagai pihak dan persatuan untuk cuba memahami dan mendapatkan penjelasan-penjelasan yang tertentu mengenai berbagai dimensi Wawasan 2020. Malahan, Kerajaan sedang merancang bagi menganjurkan Seminar mengenai Wawasan 2020 untuk faedah pegawai-pegawai perkhidmatan dan ahli-ahli pentadbiran di pelbagai peringkat. Sejajar dengan ini, Kerajaan menggalakkan kehadiran sesiapa juga Ahli Dewan ini membincangkan konsep dan hasrat Wawasan 2020 dalam forum-forum yang sesuai, dan berharap hasil perbincangan tersebut akan dapat memperkaya dan menonjolkan lagi hasrat Wawasan 2020 untuk menuju ke arah pembentukan sebuah bangsa dan negara Malaysia yang maju secara seimbang dalam semua aspek penghidupan.

Soalan-soalan (a), (b) dan (c) adalah soalan-soalan nakal sahaja. Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim dari Seputeh sendiri pun sudah termaklum tentang jawapannya.

TELEVISYEN KEEMPAT— PERKHIDMATAN

18. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menieri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah matlamat Kerajaan mewujudkan saluran Televisyen Keempat (TV 4);
- (b) apakah bentuk-bentuk rancangan yang akan disiarkan melalui TV 4 ini, dan
- (c) adakah stesen Televisyen Keempat ini akan dapat ditonton di seluruh negara.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):

- (a) Sesuai dengan matlamat Wawasan 2020 serta perkembangan teknologi komunikasi yang begitu pesat, Kerajaan bertujuan untuk menambah perkhidmatan bagi penyebaran maklumat dari dunia luar yang tepat dan terkini kepada kumpulan yang memerlukan. Ianya merupakan satu perkhidmatan yang baru yang dipanggil Perkhidmatan Berita Berlanggan (PBB) atau Subscribed News Service (SNS) dan akan dikelolakan oleh Jabatan Penyiaran Kementerian Penerangan (RTM). Kerajaan belah berhasrat untuk mewujudkan satu stesen TV yang baru atau TV 4 kerana Kementerian menganggap stesen-stesen TV yang ada pada hari ini adalah mencukupi.
- (b) Perkhidmatan ini adalah merupakan perkhidmatan infotainment, selaras dengan hmgsi RTM itu sendiri. Antara program-program yang akan disiarkan adalah:
- (i) berita-berita terkini dari dalam negeri;
 - (ii) berita-berita terkini dari luar negeri;
 - (iii) berita-berita bercorak ekonomi;
 - (iv) dokumentari; dan
 - (v) lain-lain rancangan yang bercorak pendidikan seperti sains, perniagaan, kebudayaan, kesenian, hiburan teater, sukan dan sebagainya.
- (c) Adalah menjadi hasrat Kementerian Penerangan untuk membuat liputan ke seluruh negara bagi Skim SNS ini. Buat permulaan, untuk mengatasi

operational constraint, perkhidmatan ini akan bermula di Lembah Kelang dengan sasaran pada keseluruhan pengguna di Lembah ini, khususnya institusi-institusi kewangan, industri-industri perkhidmatan seperti hotel-hotel dan pengancongan, ahli-ahli perdagangan dan profesional serta lain-lain kumpulan yang memerlukan perkhidmatan tersebut.

**NAVIGATIONAL AIDS DI
LAPANGAN TERBANG
SULTAN AZLAN SHAH IPOH—
KEROSAKAN**

19. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah sebabnya, sehingga kini, masalah kerosakan 'navigational aids' di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh, masih tidak dapat diatasi;
- (b) setakat ini, berapakah kes kclambatan dan pembatalan penerbangan telah berlaku akibat kejadian masalah tersebut;
- (c) berapakah kes kerugian yang telah dialami oleh Jabatan Penerbangan Awam dan Penerbangan Malaysia akibat kejadian masalah tersebut; dan
- (d) apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):

- (a) Navigational aids yang dipasang di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh telah siap pada September 1989. Malangnya komponen alat navigational aids ini telah mengalami kerosakan akibat dipanah petir pada pertengahan tahun 1990.

- (b) Walaupun penerbangan malam tidak dapat dilakukan akibat kerosakan "navigational aids", pihak MAS telah menukarkan jadual penerbangan malamnya kepada penerbangan di waktu siang. Oleh itu, kes kelambatan ataupun pembalalan penerbangan semata-mata akibat kerosakan "navigational aids" tidak limbud.
- (c) Daritempoh 30 September 1991 sehingga 13 Oktober 1991, semua penerbangan ke lapangan terbang ini telah dibatalkan akibat keadaan berjerubu. Kehilangan pendapatan kepada Jabatan Penerbangan Awam dan Penerbangan Malaysia bagi tempoh ini ialah masing-masing \$17,000 dan \$400,000.
- (d) Kontraktor telah diberi lanjutan masa untuk memperbaiki alat navigational aids yang tidak berfungsi ini. Jika selepas lanjutan masa diberi, iaitu sehingga akhir tahun ini, kontraktor juga gagal memperbaikinya, kontrak dengan kontraktor ini akan ditamatkan.

KUTIPAN TOL DIJALAN CHERAS

20. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah yang dibincangkan oleh Kabinet pada 11 September mengenai laporan tinjauan umum berkaitan kuitipan tol di Jalan Cheras yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Merayu Pengecualian Tol Cheras;
- (b) adakah Kerajaan bersedia menghormati keinginan dan aspirasi penduduk-penduduk dan

pengguna kenderaan yang terlibat dengan Tol Cheras seperti yang tergambar olch tinjauan umum;

- (c) sama ada Perjanjian Konsesi yang ditandatangani antara Kerajaan dan Metramac Corp. akan diumumkan kepada orang ramai untuk mengetahui kadar dan tempoh kutipan tol dan syarat-syarat dan peruntukan lain yang melibatkan kepentingan orang ramai; dan
- (d) sama ada Kabinet sedar bahawa konsep 'pengguna bayar' tidak sesuai kepada pengguna-pengguna kenderaan di Cheras kerana Jalan Cheras masih pada asasnya sebatang jalan yang sesak meskipun tol dibayar.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Untuk soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi, izinkan saya untuk jawapan soalan bahagian (a), (b), (c) dan (d) ini sekaligus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam meneliti isu kutipan tol di Wilayah Persekutuan, Kerajaan telahpun mengambil pandangan-pandangan yang dikemukakan kepada Kerajaan termasuk juga Laporan Jawatankuasa Merayu Pengecualian Tol Cheras yang dikemukakan oleh DAP. Berasaskan kajian yang menyeluruh ini, keputusan telah dibuat dari sudut kepentingan pengguna dan juga Kerajaan.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan dan menaikkan taraf jalan raya ini perlu dilaksanakan memandangkan ianya penting untuk memajukan ekonomi negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan peruntukan pembinaan

jalan raya ini terhad sedangkan keperluan infrastruktur ini mendesak, Kerajaan perlu menswastakan projek ini untuk membiayai kos pcmbinaannya. Sebagai polisi masa ini, jalan dalam bandar juga tidak terkecuali dari dikenakan tol. Oleh itu Kerajaan tidak berhajat untuk menghapuskan sama sekali Tol Jalan Cheras.

Setelah meneliti perkara ini dengan mendalam dan menimbang keperluan pengguna, Kerajaan berpendapat adalah wajar tol diteruskan. Berdasarkan pandangan-pandangan umum tersebut, Kerajaan telah bersetuju supaya kadar tol tersebut dikurangkan di antara 50% sehingga 75%. Bagi mereka yang kerap berulang-alik kemudahan pas bermusim telah juga disediakan. Selain daripada itu Kerajaan juga telahpun menyediakan jalan-jalan alternatif yang tidak dikenakan tol bagi kegunaan pengguna.

Mengenai Perjanjian Konsesi di antara Kerajaan dan Metramac Corp., sukalah saya memaklumkan bahawa butir-butir penting berkenaan Perjanjian Konsesi telahpun Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sentuh semasa sidang akhbar pada 13 Ogos 1991.

Mengenai konsep 'pengguna bayar' ini, Kerajaan berpendapat bahawa konsep ini adalah adil dan saksama oleh kerana hanya pengguna yang menggunakan kemudahan tersebut sahaja yang perlu membayar tol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat 'konsep pengguna bayar' ini adalah dilaksanakan oleh hampir semua negara yang melaksanakan sistem tol bagi lebuh raya dan jalan raya.

Mengenai kesesakan lalulintas di jalan berkenaan pula pada keseluruhannya bolehlah dikatakan kesesakan sangat berkurangan jika dibandingkan dengan sebelumnya melainkan pada masa 'peak period'.

HOSPITAL SWASTA MENGENAKAN BAYARAN PERUBATAN

21. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk mengawal bayaran perubatan yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta.

Dato' Lee Kim Sai: Di bawah konsep perdagangan bebas, hospital-hospital swasta boleh mengenakan apa-apa bayaran perubatan yang dikira berpatutan. Sehubungan dengan ini, pihak Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) telah menyediakan garis-panduan mengenai kadar-kadar bayaran untuk meliputi perundingan dan rawalan di sektor swasta. Sesiapa yang tidak bcrpuas hati dengan bayaran yang dikenakan mungkin boleh membawa perkara tersebut ke perhatian pihak-pihak berkaitan seperti majikan, Persatuan Perubatan Malaysia, Persatuan Hospital Swasta, Persatuan Pengamal Perubatan dan sebagainya.

(Soalan No.22 Sila lihat jawapan No.3)

LAPANGAN TERBANG BARU TAWAU—PEMBINAAN

23. Tuan Geoffrey Yee Ling Fook minta Menteri Pengangkutan menyatakan Memeri bersama-sama dengan sekumpulan penasihat serta jurutera telah memberikan ringkasan bcrknaan dengan Lapangan Terbang Baru Tawau dan juga telah melawat ke kawasan tersebut di Apas Balung, Tawau pada 17 Ogos 1991:

- (a) bilakah projek ini akan dimulakan dan bilakah ianya dapat diselesaikan; dan
- (b) berapakah anggaran kos bagi projek ini.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kerajaan telah bersetuju dengan pelaksanaan Projek Lapangan Terbang Baru Tawau di kawasan yang telah disebutkan iaitu di Apas Balung kira-kira 30 kilometer dari Bandar Tawau.

- (a) Pada masa ini, kerja-kerja yang berkaitan dengan urusan pengambilan balik tanah sedang dijalankan. Penentuan mengenai bila kerja-kerja pembinaan akan dijalankan adalah bergantung kepada secepat mana urusan mengenai pengambilan balik tanah dapat diselcayakan. Biasanya projek seumpama ini akan mengambil masa di antara 3-4 tahun untuk disiapkan pembinaannya.
- (b) Anggaran tepat mengenai kos projek ini hanya akan diketahui setelah "detailed engineering design" disiapkan.

MALAYSIA JADI AHLI MIGA

24. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan kesan yang berfaedah dan kesan yang merugikan dalam jangka pendek dan jangka panjang apabila Malaysia menyertai Agensi Jaminan Pelbagai Hala (MIGA) baru-baru ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Malaysia dijangka menjadi ahli MIGA pada akhir tahun 1991. Melalui penyerlaan ini negara akan dapat menarik lebih banyak pelaburan dari luar negeri kerana pelabur-pelabur asing akan mendapat insuran daripada risiko-risiko bukan bercorak 'commercial' seperti risiko sekatan pemindahan modal asing (currency transfers), risiko kehilangan hak milik (expropriation), risiko akibat dari peperangan dan kekacauan awam dan juga risiko tidak mematuhi syarat-syarat sebarang perjanjian negara ahli tuan rumah (investment—related breach of contract by host Government). Penyerlaan ini

adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur dari luar negeri.

Dengan menjadi ahli, pelabur-pelabur Malaysia yang akan melabur di negara-negara ahli MIGA juga akan mendapat perlindungan bersifat bukan 'commercial' seperti yang tersebut tadi.

TAHANAN ISA DARI SABAH

25. Tuan Nurnikm bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sudahkah siasatan terhadap tahanan ISA dari Sabah selesai dan berapa lamakah lagi mereka akan ditahan.

Tuan Ong Ka Ting: Seramai 6 orang sedang ditahan di bawah Seksyen 8(1) Akia Keselamatan Dalam Negeri 1960 setelah siasatan rapi dijalankan oleh pihak Polis kerana terlibat di dalam kegiatan yang memudaratkan negara. Semua daripada mereka ini adalah ditahan bagi tempoh dua (2) tahun mulai dari tarikh mereka mula ditahan.

PEKERJA MALAYSIA DI LUAR NEGERI

26. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauhmanakah usaha-usaha yang diambil untuk menarik pekerja-pekerja Malaysia yang sedang berkhidmat di luar negara kembali dan berkhidmat di tanah air kita, memandangkan kekurangan tenaga pekerja di berbagai bidang itu bertambah serius.

Dato' M. Mahalingam: Seperti yang diketahui, Kerajaan Malaysia adalah mengamalkan dasar ekonomi terbuka dalam pasaran bebas, di mana rakyat negara ini tidak disekat untuk bekerja di negara-negara luar sekiranya mereka berpendapat dengan cara itu akan meningkatkan pendapatan mereka. Begitu juga, rakyat Malaysia yang bekerja di negara-negara luar itu adalah

dialu-alukan untuk kembali bekerja di negara ini sekiranya mereka berpendapat dengan kembali bekerja di tanah air sendiri akan lebih menguntungkan mereka. Pada hakikatnya, keadaan ini adalah merupakan sebahagian dari amalan mobiliti buruh di peringkat antarabangsa.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SELATAN

27. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah keputusan yang didapati daripada lawatan Perdana Menteri bersama-sama dengan satu rombongan perdagangan yang besar ke Amerika Selatan baru-baru ini dalam bahagian perdagangan untuk Malaysia; sila berikan butir-butir keputusan tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan bertanggungjawab untuk perbelanjaan bagi sektor swasta di dalam rombongan perdagangan; jika ya, sila nyatakan butir-butir kos-kos perbelanjaan tersebut.

Tihibalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):

- (a) Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan ahli-ahli perniagaan Malaysia ke Argentina, Brazil, Chile dan Mexico pada bulan Jun dan September, 1991 telah memperkukuhkan hubungan duahala khususnya di bidang perdagangan dan ekonomi di antara Malaysia dengan negara-negara yang dilawati serta membolehkan ahli-ahli perniagaan memperluaskan hubungan dagangan dengan negara-negara tersebut yang merupakan pasaran bukan tradisional.

Dalam lawatan tersebut, ahli-ahli perniagaan Malaysia telah memperolehi pesanan untuk barangan Malaysia bernilai M\$413.1 juta. Barang-barang tersebut adalah keluaran getah seperti sarung tangan getah, tayar dan tiub, alat-alat jurutera, kayu dan keluaran kayu, tekstil, plastik, kabel, gergaji, minyak sawit, televisyen dan komputer.

Syarikat-syarikat Malaysia juga sedang mengadakan rundingan dengan usahawan-usahawan Amerika Selatan dalam bidang pembinaan hotel dan rumah, perlombongan dan penyertaan di projek-projek pengswastan di negara-negara yang dilawati tersebut.

Syarikat-syarikat Malaysia juga telah mengadakan rundingan untuk mengimport gandum, daging, minyak soya, besi dan keluli, alat-alat kejuruteraan dan kimia.

Lawatan tersebut juga telah memberi peluang bagi ahli-ahli perniagaan Malaysia mengetahui dengan lebih mendalam sistem perdagangan serta keperluan negara-negara tersebut. Di samping itu, ia juga telah memberi peluang bagi mem[^]perkenalkan negaranya sebagai pengeluar barang-barang perkilangan yang bermutu tinggi dengan harga yang berkompetitif.

Semasa lawatan tersebut, Malaysia juga telah menandatangani Perjanjian Perdagangan dengan negara Argentina dan Chile. Negara juga sedang mengadakan rundingan dengan negara tersebut bagi memperluaskan hubungan perkapalan dan penerbangan ke rantau tersebut.

- (b) Semua perbelanjaan ahli-ahli sektor swasta seperti tambang kapal terbang, sewa hotel dan pengangkutan tempatan dibiayai oleh mereka sendiri.

**PEGAWAI MALAYSIA DI
KEDUTAAN LUAR NEGERI—
KEMUDAHAN**

28. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rata-rata pegawai-pegawai Malaysia di Kedutaan-kedutaan luar negara tidak mendapati kemudahan yang sempurna terutama tentang kenderaan rasmi dan tempat tinggal. Jika ya:

- (a) apakah Kementerian bercadang menaikkan taraf kenderaan rasmi yang diperuntukkan kepada dan peranan mereka sebagai wakil Kerajaan Malaysiadi luar negara; dan
- (b) apakah Kementerian telah berpuashati dengan kemudahan-kemudahan lain seperti perumahan, elaun dan sebagainya yang sedang dinikmati.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya sedar bahawa segala kemudahan-kemudahan yang dapat dibrikan oleh Kerajaan kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat di luar negeri tidak semuanya mencukupi dan sepadan dengan tanggungjawab serta peranan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Walau bagaimanapun, izinkan saya nyatakan di sini bahawa Kementerian sentiasa memberi perhatian penuh ke atas soal kebajikan serta pemberian kemudahan-kemudahan kepada semua pegawai untuk membantu mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan baik dan sempurna dan juga untuk membolehkan mereka menjalani kehidupan yang sempurna semasa bertugas di luar negeri. Dalam hubungan ini Kementerian ini sentiasa memberi

perhatian serta mengambilkira akan cadangan-cadangan serta pandangan-pandangan mereka untuk dikemukakan kepada agensi-agensi pusat yang berkaitan untuk pertimbangan.

Mengenai peitanyaan (a) sama ada Kementerian Luar Negeri bercadang uniuik menaikkan taraf kenderaan rasmi yang diperuntukkan di Perwakilan, suka saya nyatakan bahawa cadangan sedemikian jika dilaksanakan akan menimbulkan implikasi kewangan yang besar. Kementerian memang berhasrat uniuik menaikkan taraf kenderaan rasmi yang digunakan oleh Perwakilan-perwakilan kita, khususnya Kema-ketua Perwakilan. Perkara ini sentiasa dikaji oleh Kementerian dengan agensi-agensi pusat dari masa ke masa berdasarkan kedudukan kewangan Kementerian.

Mengenai soalan (b), suka saya nyatakan bahawa Kementerian sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya kepada kemudahan-kemudahan seperti perumahan, elaun dan sebagainya yang berkhidmat di luar negeri. Adalah menjadi hasrat Kementerian ini agar kemudahan-kemudahan yang diberi ini dapat dipertingkatkan lagi dan ini akan dilaksanakan dengan mengambilkira akan kedudukan kewangan negara amnya dan peruntukan tahunan yang diberikan kepada Kementerian Luar Negeri khususnya.

**AKTA MEMPERBAHARUI
UNDANG-UNDANG
(PERKAHWINAN DAN
PERCERAIAN) 1976—PINDAAN**

29. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sebarang cadangan dibuat untuk meminda undang-undang seperti yang tercatat di bawah:

- (a) Seksyen 51 Akta Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 untuk memperuntukkan

relif yang serupa di mana satu pihak kepada perkahwinan telah memeluk Kristian dan lain-lain agama; dan

- (b) Seksyen 7 Akta Undang-undang Sivil 1956.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Kerajaan tidak bercadang meminda Seksyen 51 Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 kerana peruntukan di Bahagian VII dan VIII dalam undang-undang tersebut adalah mencukupi untuk melindungi pihak-pihak perceraian dan anak-anak mereka yang tertakluk kepada undang-undang perkahwinan bukan Islam.
- (b) Akta Undang-undang Sivil 1956 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya ialah Ordinan Perkahwinan Sivil 1952 yang telah dimansuhkan. Ianya digantikan dengan Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 Pindaan yang dikuatkuasakan pada 1 Mac 1982.

(Soalan No.30 Sila lihat jawapan No.3)

**FELDA—PENEROKA
RANCANGAN TANAH DI SABAH**

31. Tuan George Sangkin minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menjelaskan:

- (a) keluasan tanah yang telah diusahakan oleh FELDA di Sabah sejak ianya mula beroperasi hingga Jun 1991.
- (b) jumlah peneroka-peneroka yang terlibat dalam tempoh yang sama; dan

- (c) masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerianya, jika ada dan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasi kesemua masalah itu.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tan Sri Datuk Haji Sakaran Dandai):

- (a) Keluasan tanah yang telah diusahakan oleh FELDA di Sabah sejak ianya mula beroperasi hingga Jun 1991 adalah berjumlah 99,193 hektar.
- (b) Sehingga kini FELDA telah menempatkan peneroka di 9 buah rancangan sahaja, dan ini melibatkan seramai 1,199 peneroka.
- (c) Antara masalah yang dihadapi adalah berkaitan dengan usaha mendapatkan kontraktor yang berpengalaman untuk menjalankan kerja-kerja seperti mana yang dikehendaki dalam bidang penanian, infrastruktur dan sebagainya. Walau bagaimanapun, masalah ini dijangka dapat diatasi secara berperingkat-peringkat.

**CARIGALI MINYAK DI
PERAIRAN KEDAH**

32. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimana hasil dari pengerudian di telaga minyak PM-1 kawasan perairan Kedah sehingga kini; dan
- (b) bilakah pengeluaran minyak atau gas dapat dikeluarkan dari telaga minyak PM-1 dan adakah keyakinan telaga-telaga minyak kawasan tersebut berpotensi untuk dimajukan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah):

- (a) Kontrak mencarigali peiroleum di Blok PM-1 telah' diberikan kepada sebuah konsortium yang diketuai oleh Sun Malaysia Petroleum Sdn. Bhd. pada tahun 1987. Setakat ini, syarikat tersebut telah menggerudi 3 telaga eksplorasi tetapi hasil penggerudian tersebut hanya menunjukkan adanya sedikit sahaja tanda-tanda gad di kawasan tersebut.
- (b) Berdasarkan kepada hasil penggerudian yang telah dibuat sehingga kini, didapati blok PM-1 tidak berpotensi untuk pengeluaran gas kerana kuantiti gas yang dijumpai amatlah sedikit dan tidak berdaya maju unluk dibangunkan.

MASYARAKAT SAINTIPIK DAN PROGRESIP

33. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan apakah Rancangan Kerajaan dalam menyediakan masyarakat saintifik dan progresif selaras dengan Wawasan 2020.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Salah satu daripada teras pembangunan dekad 1990an dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) ialah menjadikan sains dan teknologi sebagai satu teras penting dalam pembangunan sosio-ekonomi. Ini memerlukan usaha membangunkan keupayaan dan kebolehan dalam teknologi strategik dan berasaskan ilmu serta memajukan budaya sains dan teknologi di kalangan masyarakat.

Untuk menyediakan masyarakat saintitik dan progresif, Kerajaan akan meningkatkan pelaburan di dalam bidang pendidikan sains dan teknologi scrla pembangunan sumber tenaga di bidang teknikal dan penyelidikan. Perhatian akan juga ditumpukan kepada penyusunan semula sistem pendidikan sains dan teknologi bagi memupuk daya cipta di kalangan generasi muda, serta ahli-ahli sains, penyelidik, pakar teknologi dan pendidik supaya mereka dapat memajukan teknologi tempatan.

Antara lain, rancangan Kerajaan untuk menyediakan satu masyarakat tersebut, termasuk:

- (a) menyesuaikan sistem latihan supaya boleh bertindakbalas dengan lebih mudah kepada corak perubahan kemahiran dalam pekerjaan, khususnya dalam bidang saimifik dan leknologi (S&T);
- (b) menambahkan penawaran tenaga manusia saintifik dan teknologi dengan mempergiatkan lagi usaha-usaha pendidikan dan latihan di luar dan dalam negeri;
- (c) memperkembangkan program-program pendidikan dan latihan tempaian dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi scrla mengemaskini kurikulum dan pembangunan kepakaran S&T supaya pengetahuan S&T bersesuaian dengan penggunaan praktikal;
- (d) menggalakkan perusahaan-perusahaan mengemaskini pengetahuan mengenai perkcmbangan terbaru dan mempertingkatkan kebolehan dalam menggunakan tcknologt-teknologi yang baru dan yang lebih maju. Kerajaan akan melancarkan Tabung Pembangunan Sumber Manusia bertujuan anlara lain mening-

katkan keupayaan teknologi tempatan di kalangan perusahaan-perusahaan pembuatan;

- (e) menggalakkan pelaburan di dalam teknologi dan pembangunan keusahawan bagi memperdagang dan menyebarkan teknologi baru;
- (f) interaksi antara universiti-universiti tempatan dengan pihak swasta supaya kedua-dua pihak dapat memainkan peranan di dalam penerokaan teknologi dan pembangunan sumber manusia. Beberapa bentuk hubungan baru seperti skim pengajian di syarikat, skim inkubator, program bimbingan dan pusat-pusat kecemerlangan akan diwujudkan untuk tujuan ini; dan
- (g) bagi meningkatkan kesedaran umum terhadap S&T dengan menggunakan media massa dan saluran bukan formal secara meluas sebagai tambahan kepada usaha-usaha yang telah dimulakan di peringkat sekolah dan universiti bagi menggalakkan pendidikan S&T.

Dari segi peruntukan kewangan dalam RM6, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$600 juta untuk kegiatan penyelidikan dan pembangunan (P&P) oleh agensi-agensi penyelidikan dan universiti, sementara \$560 juta disediakan untuk pembangunan kemudahan infrastrukur dan sumber manusia S&T.

Untuk mempertuaskan pendidikan vokasional, lapan buah sekolah vokasional baru akan dibina dalam tempoh 1991-1995.

Dalam RM6 juga lima buah politeknik baru akan dilaksanakan, manakala yang sedia ada akan diperbesarkan. Politeknik tersebut akan menawarkan lebih banyak kursus dalam bidang kejuruteraan.

USUL UNTUK MENANG- GUKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

SERUAN PARLIMEN MALAYSIA KEPADA MAJLIS PENTADBIRAN TENTERA MYANMAR

3.37ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengusul yang berikut:

Bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 memberi izin kepada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan untuk tujuan merundingkan suatu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu Seruan oleh Parlimen Malaysia kepada Majlis Pentadbiran Tentera Myanmar untuk melepaskan dengan segera pemenang Hadiah Keamanan Nobel 1991, Aung San Suu Kyi bagi membolehkan beliau menjalankan mandat beliau menubuhkan sebuah Kerajaan Demokratik di Myanmar selaras dengan keputusan pilihanraya umum Myanmar pada Mei 1990. Memandangkan ini adalah suatu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, berdasarkan sebab-sebab berikut:

Pertama, seruan sedemikian oleh Parlimen Malaysia selaras sepe-nuhnya, dengan tema Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Harare dan ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Sidang Kemuncak Komanwel mengisytiharkan sokongan Malaysia kepada demokrasi dan Kerajaan yang baik di arena antarabangsa;

Kedua, Ketua Pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi bukan sahaja telah menjadi simbol perjuangan untuk demokrasi dan hak asasi manusia di Myanmar bahkan merupakan satu simbol penting di dalam perjuangan menentang penindasan di dunia;

Ketiga, Parlimen Malaysia harus mengalu-alukan penganugerahan Hadiah Keamanan Nobel 1991 kepada Ketua Pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi, dan mengesahkan kenyataan rasmi Jawatankuasa Nobel berkenaan perjuangan beliau sebagai salah satu tauladan keberanian manusia yang paling luar biasa di Asia dalam beberapa dekad kebelakangan ini kerana hak asasi manusia dan demokrasi tidak mengenal sempadan negara;

Keempat, dengan semangat yang serupa bahawa hak asasi manusia dan demokrasi adalah inspirasi manusia sejagat di mana rakyat Malaysia harus menjadi sebahagian daripadanya, Parlimen Malaysia harus menyumbangkan suaranya menyeru Majlis Pentadbiran Tentera Myanmar untuk melepaskan Aung San Suu Kyi dengan segera dan tanpa syarat daripada penahanan lebih daripada dua tahun supaya beliau dapat menjalankan mandat yang dimenangi oleh lega demokrasi kebangsaan beliau dalam kemenangan besar di dalam pilihanraya umum Mei 1990 iaitu memenangi 392 daripada 486 kerusi yang ditandingi untuk menubuh dan mengetuai sebuah Kerajaan yang dipilih secara demokratik;

Kelima, untuk Parlimen Malaysia mencatatkan suatu precedent dalam ASEAN dengan mengambil satu pendirian yang jelas dan tegas untuk mendesak Majlis Pentadbiran Tentera Myanmar supaya menerima keputusan demokratik rakyat Myanmar sebagaimana yang di-

nyaiakan dalam pilihanraya umum Mei 1990 dan membenarkan Aung San Suu Kyi menjalankan mandat yang diberikan kepada beliau untuk menubuh dan mengetuai sebuah Kerajaan yang dipilih secara demokratik berdasarkan keputusan pilihanraya umum 1990; dan

Keenam, dengan seruan Parlimen Malaysia, Kerajaan Malaysia harus mengenakan tekanan yang konsisten dan berterusan ke atas Majlis Pentadbiran Tentera Myanmar untuk memulihkan demokrasi dan hak asasi manusia di Myanmar dalam forum antarabangsa dan harus mengkaji semula segala aspek berhubungan dengan Majlis Pentadbiran Tentera Myanmar.

Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat AhliParlimen Kawasan Tanjung pagi ini. Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacakannya sebentar tadi.

Untuk membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga syarat, iaitu:

- (i) perkara itu lertentu;
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan itu dan saya berpendapat bahawa:

Perkara itu adalah perkara tertentu. Saya bersetuju perkara ini adalah perkara tertentu.

Yang keduanya, kepentingan orang ramai. Saya juga bersetuju perkara ini bagi kepentingan orang ramai.

Dan yang ketiganya, saya berasa perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya tidak bersetuju kerana perkara pilihanraya yang diadakan di Myanmar itu telah diadakan dalam bulan Mei, 1990 lagi dan oleh yang demikian tidak perlu disegerakan. Selain daripada itu, Menteri-Menteri Luar ASEAN yang bersidang di Kuala Lumpur baru-baru ini telah melantik Yang Berhormat Menteri Luar Filipina mewakili negara-negara ASEAN untuk bertemu dengan pentadbiran Myanmar dan melahirkan perasaan ASEAN serta rakan-rakan dialog ASEAN yang menyatakan mereka kurang senang tentang keadaan di Myanmar dan juga tentang kemungkinan negara-negara lain juga mengambil tindakan bersabit dengan kejadian itu.

Oieh kerana itu, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1990 DAN 1991) (NO.2)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan

untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuniukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta yang berhubung dengan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan organisasi-organisasi antarabangsa tertentu dan orang-orang yang ada kaitan dengannya, dan bagi maksud-maksud lain; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Luar Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESIRIS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990; dibawa ke dalam

Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)—MENARIK BALIK

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menarik balik Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (DR.20/91) mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 62.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SEWA-BELI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.47ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Sewa-Beli 1967 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Sewa-Beli 1967 bagi mengemas dan memperkukuhkan lagi peruntukannya untuk memberi perlindungan tambahan kepada penyewa, pemunya dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam perjanjian sewa-beli serta melicinkan pentadbiran aktiviti sewa-beli.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Sewa-Beli 1967 telah dikuatkuasakan dalam tahun 1968 bagi mengawalselia kandungan perjanjian sewa-beli dan menjelaskan hak, kewajipan dan tanggungan penyewa, pemunya dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam perkara sewa-beli. Akta ini dipinda dalam tahun 1976 untuk memasukkan peruntukan mengenai penguatkuasaan. Kini Akta tersebut perlu dipinda bagi mengatasi kelemahan yang terdapat hasil daripada kajian yang dijalankan, aduan-aduan yang diterima dan juga pengalaman penguatkuasaan Akta ini. Di samping itu, pihak-pihak yang berkepentingan dalam perkara ini telah juga mengemukakan cadangan-cadangan pindaan, seperti Persekutuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia, Persekutuan Syarikat-syarikat Sewa-Beli Malaysia, Persekutuan Persatuan Motor dan Kredit Malaya, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia dan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Sewa-Beli 1967 telah dikaji pada keseluruhannya supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan dapat memberi perlindungan yang lebih adil kepada bukan sahaja penyewa, tetapi juga kepada pemunya terutamanya dalam bidang pengambilan semula milik barang, dengan izin, repossession. Denda dan penalti yang lebih berkesan juga diwujudkan sekiranya gagal mematuhi peruntukan-peruntukan Akta.

Di antara pindaan-pindaan substantif yang dicadangkan adalah mengenai skop Akta. Di bawah Akta yang sedia ada, perlindungan hanya dibcri kepada barang-barang tertentu sahaja. Memandangkan pembelian secara sewa beli sudah menjadi satu aspek kehidupan rakyat di negara ini, maka pindaan dibuat kepada Seksyen 1, subseksyen (ii) supaya skop Akta diperluaskan untuk merangkumi semua barangan pengguna di samping kenderaan bermotor.

Pindaan substantif juga dibuat terhadap Seksyen 4 Akta yang bertujuan memperkemas prosedur transaksi sewa beli. Masalah utama yang sering ditimbulkan dalam sesuatu transaksi sewa beli ialah ketidakupayaan seseorang penyewa mengetahui tuan punya sebenar barang yang disewa. Pada leorinya, satu perjanjian sewa beli ditandatangani di antara penyewa dengan tuan punya barang, iaitu syarikat kewangan, tetapi pada praktiknya urusan sewa beli dilakukan di antara penyewa dan dealer, iaitu orang tengah yang mencari punca kewangan untuk membiayai kos barang. Dalam banyak kes, bakal penyewa tidak mengetahui bakal pemunya sebelum perjanjian sewa beli ditandatangani. Berikutan dengan ini timbul masalah wang pendahuluan serta wang ansuran bulanan dilarikan oleh dealer. Adakalanya perbuatan ini tidak disedari oleh penyewa sehinggalah hampir selesai tempoh penyewaan yang telah ditetapkan. Penyewa mengalami dua kerugian, iaitu kehilangan wang ansuran dan barang yang disewa kerana pemunya sebenar akan mengambil semula milik barang.

Tuan Yang di-Pertua, berkailan dengan ini juga timbul masalah penipuan dalam mengisi borang perjanjian sewa beli terutamanya yang berkaitan dengan harga tunai, faedah yang dikenakan dan wang pendahuluan. Ini berlaku kerana penyewa menandatangani borang kosong memandangkan pada lahap ini dealer masih belum lagi dapat mengenalpasti pemunya sebenar barang. Oleh itu timbul keadaan di mana terdapat perbezaan butir-butir perjanjian yang diberikan kepada penyewa sebelum dan selepas perjanjian diperbuat.

Amalan membayar wang kopi ataupun, dengan izin, football money kepada dealer untuk mempercepatkan tindakan mendapat sumber kewangan juga berlaku. Untuk mengatasi masalah-

masalah tersebut, maka pindaan yang dicadangkan ke atas Seksyen 4 Akta akan mewajibkan pemunya atau sesiapa sahaja yang mewakilinya memberi notis seperti Jadual Kedua Akta yang mengandungi butir-butir terperinci tanggungan kewangan penyewa. Dalam kes dealer, ia dikehendaki juga memberikan kepada bakal-bakal penyewa Bahagian 2 Jadual Kedua, iaitu dokumen yang membuktikan bahawa ia telah mendapat keizinan daripada pemunya barang untuk urusan sewa beli. Tujuan notis adalah supaya bakal penyewa mengetahui bakal pemunya disamping menjadikan bahan rujukan oleh penyewa apabila perjanjian sewa beli dimeterikan, iaitu butir-butir dalam perjanjian seharusnya tidak berbeza daripada yang terkandung dalam notis. Oleh kerana ini adalah satu perkara asas yang perlu dipenuhi oleh pemunya, maka kegagalan memenuhinya adalah satu kesalahan dan boleh didenda sebanyak \$3,000 atau 6 bulan penjara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga dibuat berkaitan dengan pengambilan semula milik barang. Peruntukan yang ada sekarang tidak mencukupi untuk mengatasi masalah apabila penyewa meninggal dunia. Tanpa, dengan izin, Letters of Administration di pihak penyewa, pemunya tidak boleh mengambil semula milik barang dan dalam pada itu tidak pula menenma bayaran ansuran. Pindaan ini dicadangkan adalah bahawa memandangkan untuk mendapatkan Letters of Administration mengambil masa, maka peruntukan baru dicadangkan bagi membolehkan pemunya mengambil semula milik barang sekiranya ansuran tidak dijelaskan selama 4 bulan. Masa ini dianggap cukup untuk waris-waris penyewa membuat keputusan sama ada menyambung atau menamatkan perjanjian sewa beli.

Peruntukan baru Seksyen 16A diadakan supaya penyewa dikecualikan daripada kos-kos tertentu sekiranya

tidak melengahkan penghantaran barang setelah pengambilan semula milik diberikan. Seksyen 18(4) juga diwujudkan untuk melindungi hak penyewa di mana selepas pengambilan semula milik barang berlaku, pemunya dikehendaki memberi opsyen kepada penyewa untuk membeli barang terdahulu pada harga yang ditetapkan oleh pemunya sebelum dijual kepada orang lain. Ini bertujuan mengelakkan pemunya dengan izin, under value harga barang-barang ataupun menjualkan dengan harga yang murah kepada sekutu-sekutunya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang disentuh dalam pindaan ini termasuklah pengwujudkan satu peruntukan baru mewajibkan tiap-tiap barang yang dibeli perlu mempunyai perjanjian yang berasingan kecuali barangan yang ada hubungan ataupun, dengan izin, complementary untuk mengatasi masalah pengagihan bayaran apabila penyewa tidak mampu untuk membayar ansuran sepenuhnya pada satu masa bagi semua barang.

Beberapa definisi baru seperti, dengan izin, "consumer goods", "Controller", "Deputy Controller", "Assistant Controller", "Minister" dan "prescribed" juga diwujudkan. Di samping itu kuasa perlantikan pegawai-pegawai penguatkuasa juga diperturunkan daripada Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Menteri yang berkenaan memandangkan fungsi ini merupakan lebih, dengan izin, administrative daripada judicial.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan, pindaan-pindaan ini adalah dicadangkan bagi mengemas dan memperkukuhkan lagi peruntukan-peruntukan Akta Sewa-Beli, 1967 untuk memberi perlindungan tambahan kepada semua pihak yang terlibat di dalam perjanjian sewa beli.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Sewa-Beli, 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Klang.

3.59 ptg.

Tuan Kong Kui Lun (Klang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Sewa-Beli 1967 yang ada di depan kita sekarang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarai*)

Saya mendapati bahawa Rang Undang-undang (Pindaan) ini cuba mengemaskinikan Akta yang ada selaras dengan kehendak dan kemahuan orang ramai terutama para pengguna. Barangkali inilah hasii kerja Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sejak berpisah dengan Kementerian induk, iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri apabila diiiihat bahawa Bahagian Hal Ehwal Pengguna dan Penguatkuasaan Perdagangan nampaknya lebih rajin sejak akhir-akhir ini berbanding masa lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju mengapa hanya baru sekarang Akta ini hendak dipinda. Mcngapa tidak dibuat lebih awal lagi sedangkan banyak pihak sejak awal-awal lagi termasuk Persatuan Pengguna dan para pengguna menginginkan beberapa peruntukan dalam Akta Sewa-Beli 1967 ini dipinda sesuai dengan perkembangan masa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya beranggapan bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang untuk kelulusan di Dewan yang mulia

ini sebenarnya sudah terlambat. Bukan sekarang sepatutnya Rang Undang-undang ini dibentangkan tetapi seawal awal semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian ketika itu. Tetapi mengapa sekarang baru hendak dibentangkan pindaan ini setelah ramai pengguna menjadi mangsa akibat kelonggaran dalam Akta Sewa-Beli 1967 yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan rumah dalam negara ini tidak dapat mengelakkan diri daripada pembelian barang-barang secara sewa-beli. Sama ada mereka orang berada atau orang miskin, mereka terlibat sama membeli peti TV, peti ais, dapur memasak, pembersih hampagas hinggalah kepada membeli motosikal, motorak dan sebagainya. Yang anihnya mereka yang terlibat dalam pembelian barang-barang secara sewa-beli ini terutama golongan berpendapatan rendah, tidak memahami sepenuhnya isi kandungan perjanjian sewa-beli yang mereka tandatangani. Ini biasanya dilakukan oleh jurujual yang bergerak dari rumah ke rumah, Mereka lebih mementingkan jualan dari menerangkan betul-betul isi kandungan perjanjian sewa-beli kepada pelanggan-pelanggan mereka.

Menyentuh mengenai Rang Undang-undang ini, saya mendapati bahawa Rang Undang-undang ini memperkenalkan beberapa pindaan ke atas Akta induk sambil memperkenalkan penjadualan semula beberapa Jadual dalam Akta. Antaranya, yang pertama ialah takrif di bawah seksyen 2(1)(7) Akta itu diperluaskan dengan memasukkan perkataan "consumer goods" sebagai disebutkan dalam Pasal 2 Rang Undang-undang dan Jadual Pertamayang baru sedangkan Jadual lama menyenaraikan barang-barang yang terhad. Ini bererti Jadual baru akan meliputi semua barang-barang pengguna sama ada dibeli untuk kegunaan persendirian, keluarga atau

rumah termasuk alat komputer dan telefon bimbit serta peralatan atau perabot rumah.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, Pasal 3 juga menyebutkan bahawa Seksyen 3 Akta akan diganti dengan Seksyen 3 yang baru yang memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat perlantikan seorang pengawal sewa-beli dan pegawai-pegawai di bawahnya sedangkan kuasa ini menurut Akta yang ada ialah terletak di bawah kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Satu ciri yang terbaru dalam Rang Undang-undang di bawah Pasal 4 ialah penggantian seksyen 4 yang lama dengan yang baru yang mana di bawah seksyen 4(1)(b)(ii) satu kenyataan bertulis di bawah tajuk Consent of Prospective Owner, dengan izin, diperkenalkan sedangkan dalam seksyen yang lama peruntukan ini tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, ini berfaedah kepada para pengguna kerana ia boleh mengelakkan penipuan dan paksaan daripada para penjual dan para pembeli tidak mcrasa ianya tertipu setelah menandatangani kenyataan itu. Ia merupakan langkah berjaga-jaga kepada pembeli-pembeli sebelum menandatangani apa-apa dokumen sewa-beli. Ia tidak juga bererti bahawa mereka tidak boleh tertipu. Kenyataan bertulis di bawah seksyen yang saya sebutkan tadi sebenarnya tidak diperlukan apabila para pembeli memahami persoalan undang-undang yang terkandung dalam perjanjian yang hendak ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, inilah bentuk undang-undang yang memerlukan perjanjian yang terasing berbanding dengan undang-undang kontrak yang lain. Ini membayangkan sektor industri sendiri yang sebaiknya perlu dilakukan oleh pihak dalam sektor yang seperti institusi pinjaman dan wakil mereka

menerangkan dalam bahasa yang mudah tentang isi kandungan perjanjian terutama hak dan tanggung-jawab tuanpunya dan penyewa-pembeli.

Satu lagi ciri yang diberi faedah kepada para pengguna ialah apabila seksyen baru 5(1)(a) digubal dan dimuatkan dalam Rang Undang-undang di bawah Fasal 6 bahawa kegagalan mematuhi seksyen 5(1) yang mana dalam tempoh 14 hari selepas dibuat perjanjian tuanpunya hendaklah atau menyebabkan penghantaran satu salinan perjanjian kepada penyewa/pembeli dan penjamin, akan menyebabkan perjanjian sewa-beli tidak boleh dikuatkuasakan oleh tuanpunya. Inilah satu pengabaian yang berlaku dalam sektor yang menyebabkan para penyewa pembeli tidak mengetahui kedudukan atau melihat sendiri dokumen perjanjian yang ditandaangani olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen ini akan menyebabkan pihak peminjam atau tuanpunya menyudahkan perkhidmatan atas jualan yang dibuatnya. Mengenai tempoh pengambilan semula milik barang-barang yang mana tuanpunya akan diberi tempoh selama 14 hari untuk membolehkan penyewa menyelesaikan tunggakan, saya ingin mencadangkan supaya satu tempoh selama 30 hari hendaklah diperkenalkan dalam Rang Undang-undang ini bagi membolehkan para penyewa mempunyai masa yang cukup untuk menyelesaikan tunggakan tersebut. Tempoh 21 hari tidak mencukupi dan ia patut ditambah menjadi 30 hari. Dalam tempoh itu, penyewa berkemampuan mengumpulkan wang untuk tujuan tersebut dan barang yang pernah digunakan untuk beberapa lama dan setelah banyak wang dikeluarkan untuk bayaran ansuran tidak menjadi sia-sia. Dengan lain perkataan, penyewa mempunyai masa yang panjang untuk menyelesaikan barang yang bakal terlepas dari tangannya.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 12 pula bertujuan meminda seksyen 16 Akta supaya bila seorang penyewa meninggal dunia, tuanpunya tidak boleh menjalankan haknya untuk mengambil semula melainkan jika terdapat sekurang-kurangnya 4 kemungkiran bayaran berturut-turut. Pindaan ini memberi kelegaan kepada waris simati kerana kerap berlaku barang-barang simati akan ditarik balik dengan mudah jika simati gagal membuat bayaran sebelum kematiannya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini di sini untuk menggesa pihak Kementrian supaya kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman ditukarkan dari flat rate atau compound rate ke monthly rest atau yearly rest supaya para penyewa tidak merasa dibebankan dengan baki hutang yang tinggi terutamanya kenderaan perdagangan. Satu kadar khas yang rendah hendaklah ditetapkan kerana ia boleh membantu golongan penjaja dan peniaga kecil meringankan beban hutang mereka. Pada masa sekarang, pihak institusi kewangan menekankan tempoh bayaran balik dalam 4 tahun. Tempoh ini juga patutlah ditukar menjadi 5 tahun supaya penyewa mempunyai lebih masa dan lebih murah untuk membayar hutang-hutang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada 7hb Mac, 1991 ada dilaporkan dalam akhbar Malay Mail bahawa kegiatan pinjaman wang oleh syarikat-syarikat yang mendakwa bahawa mereka mewakili koperasi sedang di bawah pengawasan pihak berkuasa kerana ianya bertentangan dengan Akta Sewa Beli. Tindakan boleh diambil terhadap syarikat-syarikat itu yang mendakwa memberi kredit kepada pengguna tetapi tidak memerlukan penyewa menandatangani borang Jadual Kedua. Saya suka menggesa Menteri supaya memberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini apakah hasil siasatan terhadap syarikat-syarikat itu setelah ianya dibongkar oleh krew pemberita

Malay Mail, apakah tindakan yang sudah dibuat oleh pihak Kemenerian sehingga ini?

Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Wing On: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kamar.

Tuan Wong Wing On: On a point of order 14(1) berkenaan Urusan Mesyuarat. Saya minta tuan membuat satu keputusan sekarang untuk membolehkan usul yang dibentangkan oleh saya iaitu No.5 dalam Order Paper hari ini dibahaskan serta-merta. Jika tidak, with due respect, saya minta Tuan mengundurkan di sehingga usul ini dibahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat hendak membangkitkan point of order, itu akan sampai gilirannya (*Diganggu*). Bersabar dan Yang Berhormat dikehendaki mematuhi Peraturan Mesyuarat.... (*Diganggu*). Yang Berhormat, bila saya membuat sesuatu keputusan ekoran apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sila duduk! Ini kena patuh dan sekiranya Yang Berhormat lidak sabar, itu terpalang kepada Yang Berhormat. Tetapi saya nampak ini tidak perlu disegerakan sekarang, sebab kita sekarang ini membahaskan Rang Undang-undang yang lain (*Diganggu*). Yang Berhormat, mengikut Peraturan 44(1), Yang Berhormat diberhentikan bercakap.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, merujuk kembali kepada Rang Undang-undang yang kita bahaskan, jempuk Kok Lanas.

4.12ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian

untuk membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967 yang telah dibentangkan untuk bacaan kali kedua sekarang.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang lelah berucap tadi bahawa pindaan kepada Akta Sewa Beli 1967 ini sepatutnya telah lama dibuat. Banyak memorandum-memorandum telah dihantar kepada pihak Kerajaan supaya kelemahan-kelemahan teknikal yang terdapat di bawah Akta Sewa Beli sepatutnya dipinda kerana nampaknya pelaksanaan Akta Sewa Beli yang lama sebelum pindaan yang ada di hadapan kita pada hari ini memberikan satu ketidakadilan kepada pihak penyewa tetapi sebaliknya memberikan satu perlindungan kepada pihak tuanpunya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kes penyewaan sewa beli ada dua pihak yang terlibat. Yang pertamanya ialah pihak tuanpunya dan yang keduanya ialah pihak penyewa dan kadang-kadang selain daripada pihak tuanpunya, pihak penyewa terdapat satu lagi pihak yang ketiga iaitu introducer, dengan izin, yang memperkenalkan seseorang penyewa kepada mana-mana tuanpunya, biasanya pihak finance company, dengan izin, untuk membiayai ongkos atau perbelanjaannya di bawah sewa beli yang berkenaan. Apa yang terdapat di bawah pindaan yang dicadangkan ini, saya nampak peruntukan-peruntukan yang dipinda dan kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan yang dipinda adalah merupakan satu kesalahan. Tetapi malangnya hukuman yang sepatutnya dikenakan ke atas mana-mana pelaku yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah pindaan kepada Akta Sewa Beli ini, tidak dinyatakan di bawah seksyen berkenaan dan jika demikian, bermakna pemakaian seksyen 42 iaitu di bawah Akta yang lama iaitu satu penalti umum, maka semua pelaku-pelaku atau pesalah-pesalah yang melanggar mana-mana seksyen ini terpaksa dijatuhkan

hukuman di bawah seksyen 42 Akta lama iaitu general penalty, dengan izin, yang pada pandangan saya adalah tidak begitu mencukupi.

Sebagaimana yang kita tahu pelaku-pelaku yang melanggar mana-mana seksyen ini melakukan kesalahan yang berbagai-bagai. Ada kesalahan yang berupa highly technical, dengan izin, iaitu bersifat teknik dan ada kesalahan-kesalahan lain yang bersifat separuh jenayah ataupun jenayah. Tetapi kesemuanya ini dihukum di bawah satu general penalty iaitu di bawah satu seksyen yang sama yang memperuntukkan bahawa semua kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini dihukum di bawah satu general penalty dan sudah tentu ini tidak munasabah, tidak logik, kerana apa yang saya katakan tadi pelaku-pelaku ini melakukan kesalahan yang berbeza-beza. Misalannya, kegagalan mematuhi peruntukan-peruntukan mengenai hak-hak penarikan semula (repossession) adalah berbeza dengan kesalahan-kesalahan lain yang lebih kecil dan jika kesalahan-kesalahan ini dihukum di bawah satu seksyen yang membawa satu general penalty sudah tentulah ini tidak logik dan tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan seksyen 3. Seksyen 3 kepada Akta Sewa Beli yang dicadangkan untuk dipinda ini ialah untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Controller dan Timbalan-timbalan Controller iaitu Pengawal dan Timbalan-Timbalan Pengawal. Di bawah seksyen yang lama, sudahpun peruntukan untuk melantik Pengawal memang sedia ada tetapi kita nampak bahawa tugas dan peranan yang dimainkan oleh Pengawal ini tidak begitu berkesan. Komplek-komplek dari orang ramai yang disampaikan kepada pihak Pengawal tentang pelanggaran, pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Akta Sewa Beli

nampaknya tidak begitu mendapat perhatian dan mereka yang melakukan kesalahan itu tidak semuanya ataupun tidak mendapat hukuman yang seimpalnya.

Sebenarnya kesalahan-kesalahan di bawah Akta Sewa Beli adalah satu kesalahan yang amat teknikal. Kita akui Akta Sewa Beli ini adalah suatu Akta yang terlalu bersifat teknikal dan pengguna biasanya yang tidak mempunyai pendidikan tinggi sukar untuk memahami peruntukan-peruntukan ini. Sebab itulah dengan perlantikan beberapa ramai Timbalan-timbalan Pengawal selepas daripada ini kita mencadangkan supaya Timbalan-Timbalan Pengawal yang dilantik ini bukan sahaja di tempatkan di Kementerian di peringkat Kuala Lumpur tetapi Timbalan-Timbalan Pengawal ini ditempatkan di tiap-tiap buah negeri yang bertanggungjawab dan menjalankan tugas bagi pihak Pengawal dan jika boleh Timbalan-Timbalan Pengawal ini boleh dilantik di peringkat jajahan-jajahan atau zon-zon mengikut negeri-negeri yang berkenaan. Dengan cara ini sahaja pelaksanaan kepada Akta Sewa Beli akan dapat dilakukan dengan berkesan dan mereka yang melakukan salah-laku di bawah Akta ini dapat dibawa ke muka pengadilan.

Perkara yang ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan pindaan seksyen baru seksyen 13. Seksyen 13 ialah bertujuan untuk meminda seksyen 16 dan memasukkan satu seksyen 16A, Seksyen 16A, dengan izin, saya baca:

"16A. A hirer who returns goods comprised in a hire-purchase agreement within twenty-one days after the service on him of the notice in the form set out in the Fourth Schedule shall not be liable to pay—

(a) the cost of repossession;

- (b) the cost incidental to taking possession; and
- (c) the cost of storage

Seksyen ini hanya memperuntukkan suatu perkara iaitu dalam kes di mana apabila seseorang penyewa mengemalikan barang yang disewa dengan sukarelanya sendiri, maka penyewa yang melakukan demikian tidak dipaksa atau tidak perlu membayar harga pemilikan semula. Yang keduanya, mana-mana bayaran lain yang berkaitan dengan pemilikan semula; dan yang ketiga ialah bayaran penyimpanan.

Seksyen 16A ini hanya akan berlaku kepada mereka yang memulangkan dengan sukarela. Apa yang saya hendak bangkitkan ialah dalam kes di mana reposession berlaku. Iaitu pemilikan semula dilakukan tanpa izin penyewa. Dengan kata lain, pemilikan dilakukan mengikut peraturan-peraturan di bawah Akta Sewa-Beli yang tidak termasuk di dalam kes reposession secara sukarela. Di dalam kes-kes sedemikian, nampaknya pindaan ini tidak langsung menyentuh perkara yang sedemikian. Apa yang berlaku di dalam pelaksanaan Akta Sewa-Beli ini ialah bermakna di dalam kes kalaulah sesuatu barang itu dimiliki semula dengan tiada persetujuan penyewa maka mereka ini terpaksa juga mejianggung kos reposession, menanggung any other cost incidental to taking possession and the cost of storage.

Tetapi di bawah Akta lama, peruntukan mengenai bagaimana menentukan kos reposession, bagaimana menentukan kos pemilikan semula, atau peruntukan mengenai berapa jumlah yang kos-kos lain yang perlu ditanggung berhubung dengan perkara pemilikan atau kos penyimpanan langsung tidak disentuh. Tidak ada peruntukan sedemikian. Bagaimana cara kos

reposession perlu dikenakan atau kos-kos lain yang berkaitan dengan reposession perlu dikenakan. Langsung tidak ada peruntukan demikian. Hasilnya apa yang berlaku di dalam amalan mereka yang terlibat dengan Akta Sewa-Beli ini ialah apabila sesuatu barang dilarik atau diambil semula dengan menggunakan reposessors, dengan izin, dan diserahkan kepada pihak tuan punya; tuan punya biasanya mengenakan kos reposession yang lerlu tinggi sehingga kadang-kadang membebankan pihak penyewa. Dan pihak penyewa pula tidak ada peruntukan undang-undang untuk membantah peruntukan sedemikian.

Misalannya kita dapati dalam kes penarikan semula sebuah kenderaan sampai \$3,000 - \$4000; kadang-kadang sampai \$10,000 kos reposession dikenakan ke atas penyewa dan penyewa tidak ada kuasa di sisi undang-undang untuk membantah kerana tidak ada peraluran yang ditetapkan. Apakah perkara yang perlu diperiimbangkan oleh tuan punya dalam kes untuk menentukan cost of reposession. Dan cost of reposession ini akan dimasukkan ke dalam akaun penyewa berkenaan. Hasilnya apabila kenderaan sudah diambil semula mereka tidak membayar, tindakan mahkamah dibawa, ditambah baki terakhir campur kos reposession menyebabkan mustahil bagi tuan punya ataupun penyewa untuk membayar kos berkenaan.

Jadi, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya mengambil perkara ini sebagai satu pertimbangan dan menentukan satu garis panduan. Apabila sesuatu barang yang tertakluk kepada Akta Sewa-Beli diambil semula, maka satu peraturan mestilah diadakan terhadap tuan punya tentang garis-garis panduan, faktor-faktor yang perlu diambil kira sebelum cost of reposession itu dikenakan ke atas penyewa dan penyewa mestilah diberi hak untuk membantah jumlah yang dikenakan itu jika ianya tidak munasabah.

Perkara ini berlaku kerana penggunaan reposessors, dengan izin, pengambil-pengambil ataupun orang yang digaji oleh pihak-pihak finance company untuk menarik atau mengambil semula kereta-kereta ini adalah terlalu tinggi dan akibatnya yang akan ditanggung ialah tuan punya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan Seksyen 18. Seksyen 18 yang bercadang untuk meminda Seksyen 26 Akta ibu. Seksyen 26 dipinda dengan menambahkan Seksyen 26 yang baru iaitu:

"26. (1) An owner shall cause to be insured in the name of the hirer—

- (a) motor vehicles comprised in a hire-purchase agreement, for the first year only; and
- (b) all other goods comprised in a hire-purchase agreement, for the duration of time that the goods remain under hire purchase,

against any risks that he thinks fit."

Saya tidak nampak apa logiknya terdapat perbezaan di bawah Seksyen 18 pindaan ini iaitu memasukkan 26(1)—membezakan di antara motor vehicles dengan barang-barang lain, iaitu di bawah Seksyen 26(1) ini tuan punya diberi tanggungjawab untuk mengambil satu insurans polisi berhubung dengan kenderaan bermotor bagi tahun yang pertama. Tanggungjawab dikenakan ke atas tuan-punya untuk mengambil insurans polisi bagi kenderaan bermotor iaitu bagi tahun yang pertama sahaja. Mengapa tidak tahun-tahun yang seterusnya?

Dan yang kedua, mengapa pula barang-barang lain—"all other goods comprised in a hire-purchase agreement, for the duration of time that the goods remain under hire-purchase", manakala barang-barang lain yang bukan kenderaan bermotor maka tuan punya

dikenakan tanggungjawab untuk mengambil insurans polisi sejauh atau sehingga mana perjanjian itu berkuatkuasa.

Adalah dicadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya perbezaan seperti ini; kerana saya tidak nampak logiknya dari segi pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sekejap ladi pun di bawah Seksyen 26(1) saya tidak nampak apakah perkara yang boleh membezakan perkara-perkara ini. Malah bagi saya, kenderaan-kenderaan bermotorlah kenderaan yang wajib dan mesti serta perlu diadakan insurans polisi. Jadi, adalah lebih baik kalau kenderaan bermotor ini dikenakan tanggungjawab kepada tuan punya untuk membayar insurans polisi dan menentukan insurans polisi ada sehingga perjanjian itu tamat kerana kenderaan bermotor akan banyak terlibat di dalam kes-kes kemalangan jalan raya yang melibatkan pihak ketiga, tuntutan kemalangan jalan raya dan sebagainya. Semcnara barang-barang lain di bawah Akta Sewa-Beli tidak melibatkan banyak masalah-masalah perlindungan di bawah insurans.

Demikianlah yang saya cadangkan dan saya harap, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya cadangkan itu mendapat perhatian dan mendapat ulasan yang sewajarnya daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Prtua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang.

4.28 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Sewa-Beli 1967. Saya bersetuju dengan kawan saya daripada Kok Lanas dan Klang seratus peratus. Akla ini sudah 24 tahun belum dipinda dan juga saya rasa Menteri yang

berkenaan juga tahu adabanyakomplen daripada orang awam berhubung dengan sewa-beli ini tetapi Kerajaan tidak ambil apa-apa tindakan sehingga hari ini. Walau bagaimanapun it is better late than never, dengan izin.

Dalam pindaan ini yang tadi Yang Berhormat Menteri ada merujuk kepada Seksyen 12 iaitu dan Seksyen baru 16(1A) bahawa ini adalah untuk memberi perlindungan kepada pemunya yang mati, kena beri grace period 4 bulan.

"16 (1A), Where a hirer is deceased, and owner shall not exercise any power of taking possession of goods comprised in a hire-purchase agreement arising out of any breach of the agreement relating to the payment of instalments unless there has been four successive defaults of payments."

Menteri yang berkenaan ada kaia bahawa lempoh 4 bulan diberi kepada keluarga si mati untuk meminta atau memohon Letter of Administration kepada estet si mati untuk membuat keputusan bahawa mereka hendak melanjutkan atau meneruskan hire-purchase agreement itu ataupun tidak.

Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak akan hal ini, Kalau kita buat satu permohonan di mahkamah, saya rasa 4 bulan ini tidak cukup. Dari pengamatan saya sebagai seorang peguam, waktu kita minta 'Letter of Administration' ke mahkamah, kalau kita menggunakan masa yang paling sedikit pun, katalah, express service, dengan izin, ialah 6 bulan. Tetapi, ini mengapa 4 bulan? Saya rasa ini tidak cukup. Saya rasa Yang Berhormat Menteri mesti ambil perhatian kerana mahkamah kita ada berbagai-bagai kes dan ada banyak backlog of cases, dengan izin, dan tempoh 4 bulan ini, saya rasa, tidak berguna dan memang tidak cukup. Saya rasa 6 bulan pun tidak cukup. Kalau

hendakkan adil dan dengan sesungguhnya hendak menjaga hak-hak penyewa, saya rasa mengenai default of payment, tempoh setahun adalah baru cukup untuk memberi perlindungan kepada keluarga simati yang menggunakan masa itu untuk meminta Letter of Administration.

Kedua, bila saya lihat dalam pindaan ini, tidak ada apa-apa yang memberi penjagaan hak kepada penyewa walaupun mereka sudah buat bayaran 50% daripada wang pinjaman kepada pemunya. Saya hendak merujuk kepada Menteri yang berkenaan, bahawa di United Kingdom di bawah Hire Purchase Act kalau seseorang penyewa sudah membuat bayaran 50% daripada pinjaman mereka, syarikat kewangan atau pemunya tidak ada hak untuk mengambil balik kenderaan atau barang-barang di bawah Hire Purchase Act. Kalau mereka hendak mengambil balik barang-barang itu, sama ada kereta atau motosikal, mereka hendaklah membuat permohonan kepada mahkamah dan mahkamah akan menimbangkan bahawa pemunya atau syarikat kewangan itu boleh atau tidak mengambil balik kenderaan atau barang-barang di bawah Hire Purchase Act ini. Oleh kerana kadang-kadang penyewa tidak mampu membayar ansuran oleh kerana mereka di buang kerja ataupun mereka berada dalam kesusahan kewangan. Bukan semua penyewa tidak mahu membayar ansuran mereka, mereka tidak mahu membayar oleh kerana mereka ada kesusahan. Mereka menjadi malu juga kalau tidak dapat membayar. Jadi saya harap Menteri berkenaan boleh memasukkan satu Seksyen yang baru supaya kalau penyewa sudah buat 50% bayaran daripada pinjaman mereka, maka pemunya tidak ada hak untuk re-possess atau mengambil balik kenderaan atau barang-barang di bawah Akta ini.

Ini adalah untuk menjaga kepentingan rakyat yang miskin dan yang berpendapatan rendah, oleh kerana mereka sudah bayar sebanyak 50%. Saya harap Menteri akan mengambil berat akan cadangan saya ini. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak bahawa pada masa syarikat kewangan mengambil tindakan untuk mengambil balik barang-barang seperti motokar daripada penyewa, mereka menggunakan gangster atau samseng untuk mengancam penyewa dan kadangkadangkang penyewa kena membuat bayaran lebih daripada kos yang sebenar kos yang dikenakan oleh syarikat kewangan itu. Jadi, kita harus ada satu seksyen baru untuk melarang syarikat kewangan menggunakan orang yang bukan pegawai syarikat kewangan itu sewaktu mereka mengambil tindakan untuk mengambil balik barang-barang di bawah Akta Sewa-Beli ini. Kalau tidak, saya berani katakan dengan terus-terang bahawa kita akan menghadapi banyak lagi komplek bahawa syarikat kewangan ataupun tuan empunya menggunakan tindakan yang keras melalui gangster atau samseng untuk mengancam penyewa-penyewa di dalam negara kita.

Jadi, saya harap, Yang Berhormat Menteri boleh mengkaji semula Akta ini dan memasukkan Seksyen-seksyen yang baru untuk mengawal tindakan mengambil balik (repossession) oleh syarikat kewangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

4.36 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Saya bangun untuk membangkitkan beberapa point yang belum lagi disentuh oleh rakan-rakan saya sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa satu Rang Undang-undang yang baru perlulah diadakan untuk mengetatkan kaedah Sewa-beli kerana setakat ini ada setengah-setengah kes di mana terdapat kerugian atau kepentingan pengguna tidak dipelihara dengan ketat dan dengan baik. Walau bagaimanapun, saya nampak barang-barang pengguna dilambatkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini dan selain daripada piano dan organ, malah house-computer pun sudah ada sekarang di dalamnya. Dengan barang-barang seperti ini ada kemungkinan bahawa perbelanjaan akan ditambah atau dengan izin, the range of goods may definitely encourage the spending on luxury goods, barang-barang mewah. Mungkin bagi setengah-setengah orang komputer diperlukan, tetapi bagi banyak orang komputer, terutamanya home-computer, mungkin merupakan satu barangan mewah, luxury goods dan sekarang boleh didapati kerana easier availability dengan Rang Undang-undang Sewa-Beli ini. Adakah ini akan menambahkan tekanan kepada inflasi, kerana kalau tidak silap saya, kredit pengguna telah menaik 70% pada dua tahun kebelakangan ini?

Pada bulan Jun, 1991 kredit pengguna merupakan 11% daripada jumlah kredit dalam sistem Bank di negara ini. Ini merupakan satu jumlah yang besar dan dengan adanya increased range barang-barang yang boleh dibeli melalui sewa-beli, saya percaya ini akan menambahkan tekanan ke atas inflasi, kerana kredit pengguna akan meningkat lagi. Adakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan kredit pengguna ini? Pada masa ini inflasi meningkat dan melambong kepada tahap yang tidak diingini walaupun Yang Berhormat Menteri sering kali membangkitkan menyalakan bahawa di negara-negara Amerika Latin inflasi begitu tinggi berbanding dengan negara kita.

Jadi, perbandingan seperti ini adalah tidak wajar kerana kalau kita hendak banding, haruslah dibandingkan dengan negara-negara yang lebih maju, yang lebih baik mengenai inflasi. Tak payahlah kita hendak banding dengan orang-orang yang lebih tidak mampu, yang lebih rendah tahapnya. Ini amalan yang tak patut yang menunjukkan kekurangan kewibawaan.

Tuan Yang di-Petua, ada satu perkara lagi mengenai household savings kerana dengan adanya begitu banyak barang di dalam Rang Undang-undang ini, maka adakah ini akan mengurangkan penabungan ataupun simpanan yang melibatkan household savings ini?

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1987, household savings telah turun kepada \$13.5 bilion dan sekarang adalah ke tahap \$13 bilion hingga \$15 bilion yang menjadi dua-pertiga daripada simpanan atau penabungan swasta, sebaliknya sektor korporat sejak tahun 1987 simpanan-simpanan tahunan adalah kira-kira \$6.7 bilion meningkat daripada \$3.8 bilion setahun pada tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara household savings ini kerana ia merupakan satu punca yang penting bukan sahaja untuk memelihara supaya inflasi tidak akan meningkat, bahkan juga untuk memastikan pertumbuhan pesat ekonomi dan juga kestabilan kewangan di dalam negara ini. Dan kalau penabungan private ini tidak digalakkan, maka pertumbuhan ekonomi tidak akan terjamin kerana sektor household savings ini merupakan peminjam kepada sektor korporat dan juga sektor awam. Pinjaman seperti ini adalah 6.7% GNP pada tahun 1981 sampai 18% GNP pada tahun 1989, sebelum turun kepada 10.2% GNP pada tahun-tahun 1989 dan 1990.

Perlulah ditekankan di sini bahawa household savings ini adalah penting bagi negara kita dan apakah langkah

yang diambil oleh pihak Kemenehan untuk memastikan dengan adanya Rang Undang-undang pada hari ini kita tidak akan mengurangkan household savings tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi, saya nampak tidak ada fasal yang membolehkan peruntukan insurans mandatori. Adakah pihak Kementerian pernah mempertimbangkan perkara ini supaya sekiranya ada berlaku kehilangan barang-barang yang disewabeli ini, maka pihak insurans boleh membayar kerugian ini?

Tuan Yang di-Perlua, memang saya setuju untuk memelihara kepentingan pembeli, Rang Undang-undang ini perlu diadakan dan juga kita tidak mahu menyaksikan lagi berbagai cara yang digunakan untuk memaksa untuk repossess barang-barang yang disewa ataupun sewa-beli pada pengguna-pengguna. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang telah saya sampaikan tadi mengenai kredit pengguna dan juga household savings perlu dipelihara juga untuk kepentingan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

4.45 ptg.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Klang, Kok Lanas, Bukit Bintang dan Kepong sebentar tadi.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa pindaan bagi Undang-undang ini adalah sudah terlewat kerana sepatutnya ia dipinda

beberapa tahun yang sudah dengan adanya masalah-masalah yang tertentu yang dihadapi oleh penyewa-penyewa pada keseiuruhannya.

Saya ingin menegaskan dua perkara di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu pertamanya seperti mana yang saya telah sebutkan di dalam ucapan saya sebentar tadi, Undang-undang ini telah dipinda dalam tahun 1978 iaitu kali yang terakhir dan kalau tak silap saya, pada masa itu Menteri Perdagangan dan Perindustrian ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang. Jadi, bermakna pindaan telahpun dipcrbual pada masa yang lalu dan setelah pindaan tersebut diperbuat, maka penguatkuasaan Undang-undang ini telah dijalankan dan Kerajaan telah mendapatkan pandangan-pandangan daripada badan-badan tertentu dan juga daripada pegawai-pegawai kita yang difikirkan patut diadakan pindaan seperti yang dikemukakan pada hari ini. Sudah pasti oleh kerana Rang Undang-undang ini, pertamanya perlu mendapatkan pandangan-pandangan daripada pihak-pihak yang berkenaan, di samping itu ianya perlu digubal dengan perkataan-perkataan mengikut perkataan undang-undang dan diperbuat oleh Jabatan Peguam Negara dan sebagainya, ianya mengambil masa.

Akan tetapi satu perkara yang saya ingin jelaskan, iaitu memanglah pihak Pembangkang sentiasa tidak puas hati dengan apa yang diperbuat oleh Kerajaan. Kalau baik, katalah baik, tetapi apabila kita kemukakan di sini, walaupun benda ini baik, tetapi dikatakan lambat dan sebagainya. Inilah yang selalu dipermainkan oleh pihak Pembangkang.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong hendak apa?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu hendak ubah pihak kami untuk membuat pujian ke atasnya. Kalau kita kata Rang

Undang-undang ini adalah ke arah yang betul. itu tidak cukup lagi, hendak puji pula. Adakah dia sedar di dalam sistem demokrasi, bukan di Myanmar, di Malaysia ini kita memang semua bersetuju sistem demokrasi diperlukan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam sistem demokrasi ini kerja pihak Pembangkang, kerja kami memang untuk mencungkil apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat pada dasarnya dan juga membawa alternatif yang lebih baik?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak ada peluang untuk hendak mengemukakan alternatif, sebab tidak boleh jadi Kerajaan (*Tepuk*), itu sebabnya mereka kritik apa yang kita perbuat. Jika dijauhkan oleh Allah s.w.t., pihak Pembangkang jadi Kerajaan, kita tidak tahulah apa akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, itu satu perkara saya ingin jelaskan, berkaitan dengan mengapa Rang Undang-undang ini dibawa selepas 12 tahun, selepas pindaan yang telah dibuat dalam tahun 1978, bukan selama 24 tahun, iaitu semenjak tahun 1968.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara-perkara yang lain, dari segi penguatkuasaan Rang Undang-undang ini memang telah berjalan dengan baik kerana semenjak ianya dikuatkuasakan, pihak Kementerian dahulu—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan sekarang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna - telah menerima sebanyak 485 aduan daripada pihak-pihak yang menjadi penyewa. Dan tiap-tiap aduan yang kita terima telah disiasat, tiap-tiap satu daripada aduan yang berkenaan telah disiasat oleh pegawai-pegawai kita dan daripada sebanyak 485 aduan ini, sebanyak 172 kes telah dihasilkan dan kes-kes ini melibatkan rampasan barang-barang yang bernilai sebanyak \$129,469.00 dan mereka yang berkenaan telahpun

didenda di mahkamah dan denda yang telah dikenakan berjumlah sebanyak \$42,911. Jadi, bermakna bahawa penguatkuasaan telah dijalankan sepanjang masa dan tidak ada aduan yang diterima yang tidak disiasat. Juga kadangkala kita cuba menyelesaikannya di luar mahkamah supaya tidak setiap kes akan dibawa ke mahkamah. Kalau boleh, kita hadapkan kedua-dua penyewa dengan tuan punya ataupun pihak dealer, maka kita cuba selesaikan secara yang baik. Ini merupakan satu pendekatan yang kita fikir adalah munasabah dari segi menjaga kepentingan penyewa, menjaga kepentingan tuan punya dan mewujudkan suasana yang baik di kalangan masyarakat di dalam negara kita pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kadar faedah yang dikenakan oleh pihak tuan punya terhadap penyewa-penyewa dalam perjanjian sewa-beli adalah dalam lingkungan 10% setahun dan pihak Kerajaan berpendapat bahawa ini adalah satu kadar yang berpatutan dalam keadaan kedudukan kewangan semasa. Kalau kita menyimpan wang di bank pun pada masa ini simpanan-simpanan sementara mendapat faedah di antara 6.5% hingga 8.5% setahun dan oleh kerana ini merupakan pinjaman kepada pihak-pihak yang menyewa, maka kadar yang berkenaan itu adalah berpatutan kepada kita dan kita cuba dengan sebolehnya supaya kadar ini tidak meningkat pada masa-masa yang akan datang. Saya bersetujulah supaya perkara ini tidak akan menyumbang terhadap inflasi dan juga terhadap household savings yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacila mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Kok Lanas yang menimbulkan beberapa perkara berkaitan dengan Rang Undang-undang ini. Saya tidak dapat

hendak menjawab semua perkara-perkara yang telah ditimbulkan kerana mengikut perkiraan saya ada banyak, tetapi Ahli Yang Berhormat telah menyatakan berkenaan dengan kos repossession yang tinggi dan minta Kementerian mengadakan peraturan-peraturan yang tertemu.

Yang kedua, berkaitan dengan tidak seragaman di antara insuran yang dikenakan bagi kereta dan juga bagi barang-barang lain dan seterusnya hukuman yang tidak setimpal yang dikenakan terhadap kesalahan-kesalahan yang berlaku dan aduan yang tidak diambil perhatian, yang telahpun saya jelaskan sebentar tadi.

Memang pihak Kementerian sedar bahawa ada pihak-pihak yang mengenakan kos repossession yang tinggi di dalam perkara ini. Salah satu daripada faktor mengapa di dalam pindaan Undang-undang ini kita telah memasukkan satu seksyen yang baru, iaitu mewujudkan seksyen yang berkenaan bagi mengatasi masalah ini kalau seorang penyewa yang berkenaan tidak mampu untuk meneruskan ansuran ataupun bayaran bagi barang yang disewabelinya melalui perjanjian yang berkenaan, dia sendiri patut secara sukarela menyerahkan barang yang berkenaan, tidak usah tunggu sehingga reposseors yang dimaksudkan tadi datang dan kalau ini berlaku memang mereka mengenakan bayaran-bayaran yang tertentu. Jadi, untuk mengelakkan bayaran yang tinggi dikenakan oleh pihak-pihak yang berkenaan terhadap repossession cost, maka kita wujudkan seksyen yang baru iaitu bagi mengecualikan pihak-pihak yang berkenaan membayar kos-kos yang tertentu jika mereka sendiri volunteer untuk menyerahkan barang-barang yang berkenaan.

Berkaitan dengan insurans ke atas kenderaan motor ataupun kereta, mengikut apa yang saya dimaklumkan, iaitu apa yang kita bincangkan dengan

Motor Traders Association dan juga selaras dengan peraturan-peraturan mengenai pengangkutan jalan, di mana insurans adalah tinggi bagi tahun yang pertama. Maka ini adalah pandangan-pandangan yang tertentu oleh pihak-pihak yang berkenaan apabila kita mengadakan perbincangan, sebab value bagi kereta seperti Ahli Yang Berhormat sedia maktum, tahun yang pertama adalah yang tertinggi dan kita tidak mahu pula bebankan pihak tuannya untuk mengambil insurans bagi tahun yang kedua, ketiga dan seterusnya. Ini adalah menjadi tanggungjawab pihak penyewa untuk berbuat demikian.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat!

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat Menteri, saya hendak bangkitkan berhubung dengan seksyen 26 sedikit lagi. Dalam seksyen 26 (Pindaan) ini seperi yang diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa dalam kes kenderaan bermotor, tuannya dikehendaki mengambil insurans polisi bagi tahun yang pertama, tetapi di sini tidak dinyatakan pula insurans polisi jenis mana, iaitu sama ada perlindungan bagi pihak ketiga atau komprehensif polisi. Persoalan yang mungkin timbul nanti, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah kalaulah katakan tuannya yang diberi amanah untuk mengambil insurans polisi ini, maka dia sedaya upaya akan mengurangkan kos yang akan ditanggung, iaitu premium yang akan dibayar, barangkali dia akan mengambil hanya insurans untuk perlindungan pihak ketiga sedangkan kenderaan ini digunakan oleh penyewa. Katakan berlaku kehilangan, misalannya kecurian, maka oleh kerana dia membayar hanya insurans perlindungan

pihak ketiga, bukan comprehensive policy, bermakna kehtlangan itu akan ditanggung oleh pihak penyewa kerana dia terikat di bawah perjanjian berkenaan. Jadi, sepatutnya dipastikan di bawah pindaan kepada seksyen 26 ini bahawa motor vehicle comprise in hirer purchase agreement for the first year mestilah comprehensive policy yang melindungi kesemua jenis kehilangan, kecacatan ke atas subject matter ataupun perkara yang menjadi tajuk di dalam perjanjian antara dua pihak tadi. Terima kasih.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji

Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai pendapat iaitu apabila satu-satu kereta yang dibeli melalui perjanjian sewa-beli ini maka pihak yang bertanggungjawab dalam tahun yang pertama, iaitu pihak pemunya mestilah mengambil insurans yang komprehensif untuk menjaga kepentingan kereta yang berkenaan, bukan against third party risk. Walau bagaimanapun, kita akan kaji perkara ini untuk menentukan apa yang Ahli Yang Berhormat katakan sebentar tadi.

Berkaitan dengan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan tadi, iaitu oleh kerana ada seksyen-seksyen yang baru maka hukuman ataupun penalti adalah tertakluk kepada hanya satu seksyen sahaja. Dalam ucapan saya tadi, saya sebutkan ada satu penalti yang baru yang telah kita masukkan, iaitu sebanyak \$3,000 ataupun 6 bulan penjara. Di samping itu juga, kita bertujuan untuk meningkatkan hukuman kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang ini dan kita juga dalam pindaan ini memberikan peruntukan bagi dikompaun kesalahan-kesalahan yang berlaku di bawah Akta yang berkenaan.

Saya juga ingin menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan kedudukan pengawal-pengawal yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu Controller, Deputy Controller dan juga

Assistant Controller dan sebagainya. Memanglah tujuan kita mengadakan satu lakrif yang luas iaitu Controller, Deputy Controller dan Assistant Controller ini untuk memperluaskan penguatkuasaan undang-undang ini di seluruh negara, iaitu pegawai-pegawai kita yang ada di peringkat negeri dan yang ada juga di peringkat zon. Jika pada masa yang akan datang kita akan mengadakan di peringkat daerah dan sebagainya, kuasa diberi kepada Menteri untuk menggazetkan mereka di bawah Rang Undang-undang atau Akta ini untuk dilantik sebagai Assistant Controller. Cuma Controller kita bolch ada satu sahaja, tetapi Deputy Controller boleh banyak dan Assistant Controller pun boleh banyak, dan oleh itu kita ingin membuat perlantikan yang berkenaan. Oleh kerana ini merupakan satu tindakan administrativesahajadankitaditidakingin membebaskan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan perlantikan begitu banyak pegawai-pegawai nanti di seluruh negara, iailu semua cawangan Kementerian ataupun Bahagian Penguatkuasa yang wujud di peringkat negeri dan juga di peringkat zon, pegawai-pegawai yang tertentu akan kiiia laniik sebagai Assisiant Controller.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menimbulkan beberapa isu yang tertenui berkenaan tempoh 4 bulan yang diberi kepada waris si mali untuk meneruskan pembayaran ataupun jika tidak dibuat dalam tempoh 4 bulan, pihak yang mempunyai barang yang berkenaan boleh mengambil balik, dan mengadakan peruntukan jika seseorang itu telah menjelaskan bayaran 50% daripada harga barang yang berkenaan dan lain-lain perkara. Saya ingin menyatakan iaitu yang dimaksudkan dengan 4 bulan itu bukan masa untuk seseorang itu mendapatkan Letters of Administration. Itulah Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ini perlu mengkaji

lcbih detail perkataan-perkataan yang ada dalam Rang Undang-undang ini, bukan untuk hendak dapatkan Letters of Administration. Saya sudah cakap dalam ucapan saya hendak mendapatkan Letter of Administration mungkin lama dan ini kadang-kadang orang yang banyak harta dan banyak waris, saya tahu penyiasaian hendak dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu, pihak mahkamah dan sebagainya, mengambil masa yang panjang. Cuma kalau waris-waris itu tidak meneruskan ansuran itu selama 4 bulan, kemudian bolehlah pihak-pihak yang berkenaan bertindak. Jadi kalau dia hendak teruskan, dia boleh teruskan, tidak semestinya ada Lelter of Administration. Jadi, ini barangkali beliau tidak faham apa yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini.

Kemudian, peruntukan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi berkenaan 50% bayaran. Kalau misalnya pihak-pihak yang mempunyai barang hendak mengambil balik patui mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah Tinggi, kita telah mengkaji dan membincangkan perkara ini dengan pihak-pihak yang tertentu di dalam industry hire purchase ini dan kita berpcndapat bahawa kalau dia boleh membayar sebanyak lebih daripada 50% harga barang yang berkenaan, sepatutnya dia lebih bertanggungjawab terhadap barang-barang yang berkenaan dan hendaklah meneruskan bayaran yang berkenaan.

Kita juga berpendapat bahawa kita tak patut melibatkan mahkamah dalam perkara ini kerana ianya adalah satu perjanjian di antara dua pihak yang mana tidak ada paksaan di antara satu sama lain yang telah diperbuat. Jadi, bermakna bahawa pihak yang menyewa juga adalah bersama-sama bertanggungjawab dalam perkara ini.

Berkenaan dengan cara-cara repossession, memang ada peraturan-peraturan yang tertentu yang telah

diperbuat oleh Kerajaan pada masa yang sudah dan pihak Kementerian bersedia untuk mengkaji semula peraturan-peraturan ini supaya tidak membebaskan mana-mana pihak, terutama sekali oleh kalau ada diperkatakan tadi sebagai high handedness dan sebagainya. Kita ingin mengelakkan supaya perkara ini tidak berlaku di masa-masa yang akan datang dan saya berharap bahawa kalau ada pihak yang mendapati pihak-pihak tuan punya ataupun yang menyewakan barang-barang menggunakan kekerasan dan tidak mengikut peraturan dalam Akta ini dan juga peraturan-peraturan yang kita perbuat, silalah kemukakan kepada Kementerian untuk kita mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Tadi saya sudah jawab berkenaan dengan household savings, saya ingin menyatakan berkenaan dengan perkara-perkara dengan adanya Akta ini, dengan terluasnya skop ini, mungkin ada pihak-pihak yang membeli banyak barang-barang consumer goods, luxury goods dan sebagainya, ini mungkin akan contribute terhadap peningkatan inflasi dalam negara kita.

Pihak Kerajaan dan pihak Kementerian menghargai pendapat Ahli Yang Berhormat. Inilah juga kita hendak meyakinkan kepada masyarakat dan kepada pengguna-pengguna di negara kita ini yang mana mereka mesti mencari jalan dan mesti berusaha untuk berjimat-cermat. Oleh kerana kalau pengguna itu sendiri tahu membezakan mana barang yang sangat perlu, mana barang yang kita perlu sedikit, mana barang yang kita tidak perlu, maka ianya sendiri boleh membuat keputusan sendiri dan tidak ada apa-apa paksaan oleh mana-mana pihak. Masalah pendidikan pengguna, saya hendak masuk ke bab itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kecenderungan untuk membelanja adalah lebih daripada menyimpan; the propensity to spend is much more than the tendency to save? The propensity to spend is always much more than the tendency to save. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa inilah tabiat biasa dan walaupun saya setuju kalau kita dari semasa ke semasa mengadakan pendidikan yang lebih berkesan ke atas rakyat Malaysia ini, ini adalah satu perkara yang digalakkan.

Walaupun bagaimanapun, kalau kita berskop yang lebih banyak untuk membeli memang pihak yang tidak mampu sebelum ini, sekarang dia sudah mampu untuk membeli, bertambah banyak rumah-rumah ada personal computer dan sebagainya dan juga lebih banyak untuk status symbol. Untuk organ, untuk piano dan sebagainya! Ini akan bertambah. Bagaimana kita dapat menyekatkan tabiat seperti ini dengan adanya pertambahan skopnya?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita beritahu rakyat apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, the propensity to spend is more than the propensity to save, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, we tell them, now you spend according to your ability. Itu makanya kita katakan semua pihak telah bercakap, spend wisely, dengan izin, supaya jangan membeli barang-barang yang tidak mustahak. Yang ini kita cuma beri overall protection, tetapi pokoknya dia itu sendiri atau pengguna yang bertanggungjawab.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat pun sebagai pengguna, adakah bermakna bila Ahli Yang Berhormat berkata seperti tadi, Ahli

Yang Berhormat ini tidak boleh control diri sendiri? Kalau Ahli Yang Berhormat tidak boleh control, maka Yang Berhormat berkata perkataan yang benar, Dari segi pihak Kerajaan, kita berpendapat kita boleh control rakyat supaya jangan belanja banyak dan kalau belanja banyak ini akan menyusahkan mereka sendiri dan akan secara langsung melibatkan peningkatan inflasi. Jadi kita akan mengadakan siri gerakan dan pendidikan kepada pengguna di seluruh negara untuk memberilahu kepada rakyat pada keseluruhannya supaya berjimat-cermat dan tidak senang dipengaruhi oleh adanya jualan-jualan secara langsung dan sebagainya seperti yang telah disebutkan sebentar tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini dan saya mohon supaya ia akan dibaca seterusnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Pasal 1 hingga 37—

4.19 ptg.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Pasal 37, iaitu cara mengira kadar faedah, annual percentage rate.

Saya meminta maaf kerana saya tidak ada semasa Yang Berhormat Menteri menjawab dan saya tidak tahu sama ada beliau ada merujuk kepada perkara ini, tetapi yang saya hendak berlanya ialah adakah cara pengiraan ini bermakna bahawa kadar faedah yang dikenakan telah ditukar daripada apa yang diamalkan sekarang di institusi kewangan, iaitu secara flat rate, dengan izin, telah diubahsuaikan untuk mencerminkan keadaan kewangan semasa yang sekarang lazimnya ialah mengikut monthly rest, dengan izin juga.

Ini adalah kerana amalan sekarang di mana institusi kewangan menggunakan pengiraan kadar faedah secara flat rate adalah sungguh tidak adil kepada para pengguna.

Sebagai satu contoh, kalau seseorang meminjam \$1,000 untuk membuat perjanjian sewa-beli seperti ini dan kalau mengikut faedah 8% sekarang dan sepanjang 4 tahun. Ini bermakna bahawa jumlah faedah yang dibayar ialah \$80 satu tahun iaitu berjumlah \$320 untuk tempoh 4 tahun pinjaman itu. Ini bermakna, Tuan Pengerusi, bahawa bayaran balik yang dibuat oleh hirer tidak diambil kira dan kadar faedah 8% iaitu nominal interest rate, effective interest rate, dengan izin, bukanlah 8% tetapi adalah dalam lingkungan 14 hingga 15% dan saya rasa ini adalah satu bahagian daripada keuntungan sulit, keuntungan rahsia yang diperolehi oleh institusi kewangan secara on the surface, dengan izin. Kadar faedah adalah 8% nampaknya sangat kurang tetapi sebenarnya effective interest rate adalah lebih tinggi, mungkin saya ingat 14

hingga 15% dan saya tidak tahu sama ada formula yang digunakan sekarang ini membayangkan keadaan sebenar supaya effective dan nominal interest rate can be reconsult, dengan izin, supaya kedua angka ini boleh disamakan seberapa yang boleh.

Kalau kita membandingkan nominal interest rate dan effective interest rate yang dikenakan akibat perkiraan kadar faedah yang diamalkan sekarang perbezanya hampir-hampir dua kali ganda yang dikatakan 8% tetapi yang sebenarnya dibayar 14% hingga 15% hampir dua kali ganda dan ini seperti yang saya sebutkan tadi adalah tidak adil kepada para pengguna. Dan saya harap pihak Kerajaan boleh mengarahkan bahawa pihak institusi kewangan boleh menggunakan cara pengiraan faedah yang lebih munasabah supaya dapat mencerminkan bayaran ansuran yang dibuat setiap bulan.

Adalah sungguh tidak adil kalau seseorang peminjam bila dia membayar satu bulan tetapi bayarannya tidak diambil kira dalam pengiraan faedah.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang saya hendak bangkikan dan saya harap pengubahsuaian atau perubahan dapat dibuat untuk menjimatkan wang kepada para pengguna yang saya percaya adalah berjuta-juta ringgit setahun.

5.22 ptg.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya telah jelaskan tadi dalam ucapan menggulung iaitu kadar faedah yang dikenakan adalah lebih kurang 10% flat rate yang digunakan dan bukan berdasarkan kepada monthly rest. Ini adalah perkiraan yang diperbuat oleh pihak-pihak yang berkenaan, iaitu sekiranya tidak ada tunggakan terhadap suatu hutang yang diperbuat maka kita menggunakan monthly rest adalah

lebih baik, tetapi sekiranya ada hutang dan tunggakan dan sebagainya maka kalau dikira betul flat rate adalah lebih menguntungkan. Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan, Tuan Pengerusi, perkara ini diserahkan kepada pihak yang tuannya dan pihak yang menyewa untuk membincangkan di dalam negotiation atau rundingan yang mereka akan adakan. Jadi, inilah kalau kita mengadakan pindaan pada Rang Undang-undang ini, supaya apa perkara boleh pihak yang tuannya dan pihak penyewa boleh bertemu. Dahulu mereka tidak ada peluang berbuat demikian.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh kerana biasanya bargaining power, dengan izin, para pengguna adalah tersekat dan ini adalah amalan dalam industri adalah saya rasa tidak realistik untuk para pengguna boleh meyakinkan institusi-institusi kewangan mengikut cara perkiraan faedah yang lebih adil. Oleh sebab itu, perlulah pihak Kerajaan campurtangan dalam perkara ini kerana sepeerti yang dikatakan tadi oleh Yang Bchormat Menteri, perkiraan faedah dan amalan yang digunakan sekarang adalah lebih menguntungkan institusi kewangan atas para peminjam dan flat rate ini saya rasa yang diterima secara umum. Kalau kita menggunakan flat rate, tentu para pengguna yang rugi. Oleh sebab itu, saya harap pihak Kerajaan boleh mengambil langkah supaya cara pengiraan ditukar daripada flat rate kepada satu kaedah atau satu sistem yang menggunakan monthly rest yang lebih adil dan juga akan memanfaatkan para pengguna.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya ambil maklum, tetapi saya tidak bersetuju mengatakan bahawa para pengguna tidak ada bargaining power. Sekarang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diwujudkan untuk membantu dan untuk protect semua consumers dalam negara kita.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 hingga 32 diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Jadualdiperintahkanjadisebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG RELIK SPESIFIK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.31ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Relif Spesifik (Pindaan) 1991 dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan, Tuan Yang di-Pertua, bagi meminda Seksyen 7, Akta Relif Spesifik 1950 untuk memberi perlindungan yang cukup kepada penyewa-penyewa daripada diusir oleh tuan-tuan tanah kecuali jika mereka telah melalui proses undang-undang untuk membolehkan pengustran dilakukan. Dengan keizinan, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas di Dewan yang mulia ini latarbelakang dan asas-asas mengapa pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini dibentangkan pada Dewan Parlimen ini.

Seksyen 7, Akta Relif Spesifik 1950 sekarang ini memperuntukkan bahawa seseorang yang berhak kepada pemilikan harta takalih spesifik bolch mendapatkannya kembali dengan cara yang ditetapkan oleh undang-undang

yang berhubungan dengan prosedur sivil. Walaupun peruntukan itu menyebut mengenai prosedur undang-undang sivil tetapi di dalam keputusan mahkamah, mahkamah telah mengatakan bahawa peruntukan tersebut tidak menghapuskan usaha sendiri. Usaha sendiri ini wujud dan terbiil hasil daripada pencrimaan kita ke atas penggunaan 'common law*' di dalam negara kita. Remedi common law ini adalah satu remedi yang diterima oleh mahkamah yang sentiasa boleh digunakan melainkan jika kita hendak menolak remedi common law ia mestilah diperuntukkan dengan secara khusus oleh undang-undang tersebut. Oleh itu, walaupun di dalam Akta Relif Spesifik ada dinyatakan untuk mendapatkan kembali tanah meslilah mengikut prosedur sivil tetapi ia tidak mengecualikan daripada penggunaan hak di bawah remedi common law.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, tuan tanah mempunyai pilihan sama ada uniuik membawa prosiding di mahkamah atau menggunakan usaha sendiri dan sekiranya perlu dengan menggunakan kekerasan yang munasabah. Kekerasan yang munasabah ini diizinkan oleh remedi common law. Oleh kerana wujudnya penggunaan kekerasan yang munasabah, beberapa pihak telah memandang berat tentang implikasi sosial yang akan timbul sekiranya tuan-tuan tanah berusaha sendiri iaitu diizinkan oleh undang-undang untuk mengusir penyewa dengan menggunakan kekerasan yang dianggapnya ataupun dikatakannya munasabah.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji keperluan dan kemungkinan menggubal satu Rang Undang-undang bagi melindungi penyewa-penyewa daripada diusir oleh tuan-tuan tanah. Setelah ditubuhkan Jawatankuasa Khas itu, keputusan telah dibuat bahawa perkara ini hendaklah dirujuk kepada pihak Berkuasa

Persekutuan sebab sebarang pindaan perundangan perlu dibuat di peringkat Persekutuan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merujukan perkara itu kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang seterusnya telah memperolehi nasihat daripada Jabatan Peguam Negara mengenai cadangan untuk meminda Seksyen 7, Akta Relif Spesifik 1950.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan undang-undang yang ada sekarang, terdapat dua cara bagaimana tuan tanah boleh mendapatkan kembali harta takalinya daripada penyewa. Pertamanya, tuan tanah boleh mempunyai pilihan sama ada untuk membawa prosiding di mahkamah ataupun menggunakan usaha sendiri dan sekiranya perlu, dengan menggunakan kekerasan yang munasabah. Tuan Yang di-Pertua, ini bererti bahawa tuan tanah tidak diwajibkan untuk berhadapan dengan mahkamah atau membawa kesnya ke mahkamah untuk mengeluarkan seseorang penyewa tanah. Dia hanya memerlukan untuk membeiri notis keluar dan sekiranya penyewa enggan keluar, tuan tanah mempunyai pilihan ataupun hak untuk mengusir penyewa itu dengan sendiri dan boleh juga di dalam proses untuk mengusir penyewa menggunakan kekerasan yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi sosial yang berat akan timbul sekiranya tuan-tuan tanah berusaha dengan sendiri untuk mengusir penyewa dari tempat tinggal atau tanah mereka dengan menggunakan apa yang dikatakan sebagai kekerasan yang munasabah. Ini bermakna ia boleh mengancam keamanan dan juga membahayakan diri mereka yang terlibat. Bagi tujuan untuk meringkatkan kesusahan yang dihadapi oleh penyewa apabila diusir dengan kekerasan oleh tuan tanah dan juga untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak

diinginkan, tuan tanah patutlah diwajibkan membawa prosiding di mahkamah supaya lunah atau harta takalih yang iclah disewakan adalah didapatkan kembali melalui proses undang-undang yang teratur.

Remedi di bawah common law ataupun remedi common law yang mengakui ada hak usaha sendiri yang membolehkan tuan tanah mengusir penyewa dengan menggunakan kekerasan adalah remedi common law Inggeris yang telah digunapakai dan diterima di dalam negara kita. Remedi common law Inggeris ini telahpun dihapuskan melalui Akta Parlimen di England. Misalnya, di dalam "Protection from Eviction Act 1977" di England sendiri, remedi untuk menggunakan kekerasan yang munasabah tidak wujud lagi tetapi negara kita masih lagi mengamalkan common law yang telahpun dihapuskan oleh England sendiri.

Di India, mahkamahnya telah memutuskan bahawa remedi common law itu telah dihapuskan untuk peruntukan-peruntukan Indian Specific Relief Acts, 1877 dan 1963. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, remedi usaha sendiri yang sedemikian adalah merupakan remedi common law Inggeris yang lama, yang tidak lagi terpakai di negara asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini tidaklah terlalu menyekat terhadap tuan tanah kerana ia mewajibkan tuan tanah supaya akan mendapai perintah mahkamah dalam keadaan di mana tanah atau harta tidak alih itu telah disewakan dan tidaklah menyentuh keadaan di mana tanah atau hana takalih itu telah dimasuki oleh penceroboh, dengan izin, trespasser. Dalam hal "trespasser", remedi usaha sendiri itu tidaklah dihapuskan. Walaupun haruslah juga ditekankan bahawa pilihan usaha sendiri itu tidaklah digalakkan dan sebaik-baiknya

tuan tanah patutlah membuat pilihan untuk mendapatkan perintah pengusiran melalui prosedur mahkamah.

Seseorang yang pada asalnya memasuki tanah atau harta takalih itu bukan sebagai penyewa adalah dibezakan daripada seseorang yang daripada asalnya memasuki tanah atau harta tak alih itu sebagai trespasser ataupun penceroboh. Seseorang yang telah memasuki tanah atau harta takalih itu sebagai penyewa telah memasuki dengan cara yang sah dan halal di sisi undang-undang, dan oleh itu haruslah diberi perlindungan undang-undang daripada diusir kluar kecuali melalui prosedur ataupun proses undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen (2), seksyen 7 baru yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini bertujuan menghapuskan usaha sendiri dalam hak keadaan di mana harta tak alih harta spesifik itu telah disewakan dan penghuni itu masih terus mendudukinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Relif Spesifik 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.42 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan bahawa pihak kami di sini menyokong pindaan Specific Relief Act ini. Pindaan Specific Relief Act ini adalah satu permintaan yang saksama oleh pihak

kami selepas Mahkamah Agung memutuskan di kes Poh Swee Siang di Thean Teik Estate, Pulau Pinang.

Dalam peristiwa itu ada seorang wanita telah terkorban akibat penembakan oleh pihak polis. Selepas keputusan Mahkamah Agung di atas kes Poh Swee Siang, pihak kami di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah membawa satu usul di mana kami telah mendesak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas uniuik merundingkan kandungan undang-undang ini dan sukacita kita merakamkan di sini bahawa ada seorang Ahli Pembangkang dari Parti DAP turut dilantik bersama dalam Jawatankuasa Khas ini. Dengan itu satu keputusan atau sebagaimana tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, pindaan Akta ini telah dirujuk kepada pihak Pederal dan akibatnya hari ini pindaan ini telah dibawa ke Dewan yang mulia ini dan sekali lagi saya di sini menyokong pindaan Specific Relief Act ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Johor Bahru.

5.45 ptg.

Tuan Mohamed Khalid bin Nordin (Johor Bahru): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu diucapkan lerima kasih, dan saya sukalah mengambil bahagian dalam pindaan Akta Relif Spesifik 1950 yang pada pandangan saya memanglah kena pada masanya kerana ia mensyaratkan, seseorang untuk merujuk ke mahkamah iaitu menggunakan prosiding di mahkamah sekiranya harta tak alih spesifik yang telah disewakan menurut sesuatu penyewaan ditamatkan mengikut apa cara sekalipun ataupun telah berakhir mengikut masa perjanjian dalam kontrak dan orang yang menyewa itu berdegil dan terus tinggal dalam harta tak alih spesifik yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan yang telah dilahirkan oleh Yang Berhormat Menteri semasa membawa pindaan kepada Akta ini kerana di bawah common law, kita tahu kadang-kadang remedi terhadap masalah seperti ini tidak semestinya pergi ke mahkamah dan lagi kita telahpun memutuskan hubungan kita dengan Privy Council kerana kita berpendapat bahawa kita mampu untuk membentuk dan membina undang-undang kita sendiri berasaskan kepada suasana sekeliling kita dan kalau kita melihat bagaimana common law itu sendiri dilahirkan dan bagaimana common law itu sendiri diasaskan, ia adalah mengikut amalan yang biasa yang kerap diamalkan di negara asalnya iaitu di United Kingdom dari zaman berzaman yang lama kelamaan menjadi undang-undang umum iaitu common law. Amalan yang biasa yang menjadi asas kepada common law ini terbit dari suasana masyarakat di sana, ia tidak terbit daripada suasana masyarakat kita. Oleh itu, kita harus berhati-hati apabila menerima common law dan kita juga harus tidak teragak-agak untuk menolak mana-mana common law yang dirasakan tidak secocok dengan amalan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi praktiknya, masalah mereka yang menyewa yang enggan keluar daripada rumah sewa memanglah banyak dan berlaku di mana-mana tempat, baik tanah Kerajaan mahupun tanah ataupun rumah persendirian. Tindakan luan-punya tanah ataupun rumah menggunakan caranya sendiri untuk mengambil tindakan secara peribadi kadang-kadang memang menimbulkan masalah sosial kerana ia memang melibatkan bukan sahaja kekerasan secara munasabah tetapi kadang-kadang membawa akibat pergaduhan yang lebih besar daripada itu.

Adalah lebih baik dalam keadaan-keadaan seperti ini, kita yang bertanggungjawab dalam Dewan yang mulia ini melclakkan kepada mahkamah untuk menentukan kes-kes yang lahir seperti ini tetapi bukan kita menyerahkan seperti yang diberikan oleh remedi common law yang mencemburkan tuannya-tuannya tanah itu mengambil tindakan secara peribadi. Lebih-lebih lagi, apabila kita mendengar daripada Yang Berhormat Menteri bahawa tempat di mana remedi common law ini dipinjam sendiri lelah tidak lagi memakainya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya berharap pihak Kerajaan dapat juga melihat kepada common law-common law yang lain, termasuk juga remedinya yang tidak sesuai lagi dipakai di dalam negara kita. Janganlah kita hendak menunggu satu kes timbul seperti ini, baru kita hendak pinda undang-undang mengenai perkara ini.

Saya berharap dapatlah pihak Kerajaan, untuk mungkin, menubuhkan satu jawatankuasa untuk melihat kepada semua common law ataupun remedinya dan melihat sama ada ianya sesuai ataupun tidak dan sekiranya tidak sesuai dibawa ke Parlimen untuk kita dengan secara terang menolak ataupun tidak memakainya lagi. Dengan itu saya menyokong pindaan kepada Akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Larut.

5,48ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd, Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang menyokong pindaan Akta untuk meminda Rang Undang-undang Relief Specitte Act 1950 dalam pindaannya kepada seksyen ke-7. Ini bermaksud bahawa di dalam keadaan semasa yang

mana manusia jika tidak diberi nasihat ataupun panduan, mereka yang mempunyai harta mungkin tamak untuk mengambil balik rumah sewa mereka yang mana telah disewa oleh penyewa-penyewa bcrpuluh-puluh tahun sebagaimana yang berlaku di England di bawah Rent Control Act.

Dalam Wawasan 2020, kita banyak telah memperkatakan, dengan izin, the caring society. Dengan pindaan ini saya percaya, pihak tuanpunya tanah ataupun rumah yang disewa sekian lama tidak lagi boleh menggunakan kekerasan kerana kekerasan itu sendiri akan menghapuskan apa yang dikatakan, dengan izin, the caring society. Jika timbul masalah-masalah seperti ini, sebagaimana yang dibentangkan tadi, pihak tuanpunya tanah hendaklah bersungguh-sungguh mencari usaha damai, dengan izin, compromise ataupun membawa perkara ini melalui mahkamah kerana seseorang itu tidak boleh membuat sesuatu mengikut, dengan izin, his whims and fancies.

Undang-undang ini memang undang-undang yang munasabah yang mana akan memberi, dengan izin, relief kepada penyewa-penyewa yang mana pada masa ini kita tahu, kalau hendak mengutip sewa rumah yang disewakan 30 ataupun 50 tahun dahulu mungkin sewanya adalah belasan ringgit sahaja ataupun \$7 sahaja, tetapi mungkin rumah di Kepong \$1.50 sahaja.

Kerana sebab-sebab tersebutlah undang-undang ini perlu diterima oleh semua masyarakat dan mengelakkan diri kita daripada menggunakan kekerasan kerana kekerasan ini akan membawa suatu keadaan di mana orang akan berkala di manakah letaknya justice atau keadilan kerana justice ini jika kita memerlukan justice, justice tidak boleh dengan kekerasan. Tetapi berlainan pula dalam hal yang lain, umpamanya kita gantung orang mengedar dadah. Itu kita memang kena gantung tetapi kalau orang, dengan izin, the occupier duduk

di rumah mana-mana kita perlu berunding dengan cara yang baik.

Jadi, masalah kita pada hari ini sebagaimana yang saya sebut tadi pembangunan pesat, mungkin orang mempunyai tapak rumah yang mana telah disewa sekian lama, ingin untuk memajukan tanah itu untuk membuat kedai yang besar atau untuk membuat kondominium-kondominium kerana kita sekarang ini banyak kondominium di meraia-rata. Si-occupier, dengan izin, terpaksa dipindahkan dan mungkin apabila dipindahkan itu ianya tidak mendapat tempat lain yang sesuai untuk berpindah walaupun kondominium ataupun padang golf didirikan di situ, mungkin orang yang susah yang membayar sewa \$7.00 tadi tidak dapat menjadi ahli kepada padang golf itu ataupun tidak dapat duduk di kondominium yang mahal kerana kondominium sekarang amatlah mahal.

Walau bagaimanapun ini akan menentukan bahawa orang yang duduk Uu juga, the occupier mestilah faham maksud pembangunan yang kita kehendaki dan pembangunan yang ada. Sekiranya rumah itu diduduki seperti saya dapati rumah-rumah di England umpamanya di Hampsted dan tempat lain kita dapati orang itu mendiami ketika ianya berumur 17 atau 18 tahun selepas persekolahan menengah di sana ataupun whatever, dengan izin, sampai sekarang ini sudah jadi datuk-nenck, masih tinggal di situ. Dia tua bukan main. Kemudian kita tanya berapa sewa, dia kata sewa 2.50 sampai sekarang ini.

Jadi, ini juga saya rasa tidak adil kepada tuan punya tanah kerana ianya mempunyai katalah lima, enam bilik dalam satu rumah itu dia baru dapat berapa belas pounds sahaja sedangkan orang lain di rumah-rumah baru yang dibina di dalam pembentukan pembangunan yang ada di England pada hari ini begitu juga di Malaysia mendapat sewa yang begitu banyak.

Jadi, dengan tidak menggunakan kekerasan ini saya rasa Malaysia sebagaimana negara demokratik walaupun dinafikan oleh orang-orang di sebelah sana, kita tetap demokratik. (*Disampuk*) Orang sebelah sana. Yang ini boleh tahanlah, (*Ketawa*) Kita tetap demokratik dan kita tetap menjadi sebuah negara yang begitu demokratik.

Kalau kita tidak mengamalkan caring society ini, saya rasa orang akan kata kita tidak demokratik. Kalau Tuan Yang di-Perluatengok televisyen umpamanya, kita lihat kita begitu demokratik hinggakan orang-orang Afrika di mesyuarat CHOGM tanya macam-macam kepada Perdana Menteri kita dan setengahnya suruh Perdana Menteri kita ajar bagaimana hendak berucap dalam bahasa Inggeris dengan baik. Begitulah kebijakannya pcermintahan negara Malaysia dan Rang Undang-undang Relif Spesifik (Pindaan) ini adalah munasabah dan saya amatlah gembira kerana pihak DAP bangun pada mula-mula menyokong. Dan saya memohon supaya DAP menyokong kita banyak-banyak lagi dan kalah lagi temk-teruk di pilihanraya yang akan datang. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata saya itu

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan: Sila.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kawan saya dari Larut ini yang saya tahu adalah menjadi salah seorang Lembaga Pengarah UDA. Dan saya juga tahu bahawa UDA

Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan: Timbalan Pengerusi, lagi atas! (*Ketawa*)

Tuan Wee Choo Keong: Timbalan Pengerusi UDA. Saya hendak tahu kenapa UDA memberi arahan kepada agensi-agensinya untuk menghalau penduduk-penduduk di Kampung Doraisamy di kawasan Bukit Bintang. Saya harap apa yang beliau ucapkan tadi dapat diambil tindakan dengan segera supaya memberi arahan kepada agensi-agensi UDA supaya jangan mengambil tindakan yang keras dan menggunakan secara damai untuk mengatasi kes-kes setinggan di situ. Itulah baru dikatakan caring society yang sebenar. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, memang tindakan diambil di mana-mana tanah yang mana kita hendak membuat pembangunan. Jadi, saya suka memberitahu kepada Dewan yang mulia pada hari ini bahawa itu bukan arahan dari saya. Arahan dari saya akan bermula setelah saya keluar dari Dewan ini dengan caring society. Dan kita memang mengambil berat dengan masalah-masalah ini tetapi kalau kita ini caring society, yang di sebelah sana "kematu society", itu susahlah, Tuan Yang di-Pertua. "Kematu society"—Do you know what I mean? (*Ketawa*) Degillah, dengan izin. Kalau degil sangat itu saya rasa caring society pun tidak bermakna juga. Jadi kita beri pampasan, kita cari tempat-tempat yang lain untuk mereka dan, insya-Allah, sebagai Timbalan Pengerusi UDA—habis orang tahu, dia punya pasal (*Ketawa*)—akan bersarna-sama dengan pengurusannya menjalankan falsafah the caring society untuk tidak menggunakan kekerasan sesuai dengan undang-undang yang mana dibentangkan oleh Menteri yang kita kasih iaitu Menteri Kehakiman semoga kita dapat hidup aman damai tidak kira orang itu susah atau miskin.

Dengan kata-kata itu, saya sudah menyokong undang-undang ini dengan tidak ada berbelah bahagi dalam perasaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kuala Kedah.

5.58 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah):
Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan iaitu membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Relif Spesifik 1950.

Selepas mendengar hujah-hujah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman sebentar tadi saya pun turut sama untuk menyokong tujuan ataupun objektif Rang Undang-undang untuk meminda Akta Rclif Spesifik ini. Memanglah prosedur-prosedur yang dicadangkan supaya tidak berlakunya ancaman kepada keselamatan ataupun keamanan di dalam satu-satu masyarakat itu adalah satu tujuan yang murni yang patut kita sentiasa pelihara.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, prosedur-prosedur seumpama ini juga terdapat di dalam peruntukan-peruntukan undang-undang yang lain sebelum ini. Saya harap peruntukan-peruntukan seumpama ini dapat diselaraskan di dalam undang-undang yang berkaitan dengan hak-hak penyewaan yang dan begitu juga ada berkaitan dengan harta-harta yang tak beralih yang diberi sewa pada penyewa-penyewa, tidak kira sama ada harta itu rumah aiau bangunan ataupun tanah-tanah tanaman seperti tanaman padi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, ini bukanlah satu perkara yang baru bagi saya, oleh sebab

procedure seumpama ini telahpun terdapat di dalam Akta Penyewaan Penanam-penanam Padi. Di mana di dalam Akta Penyewaan Penanam-penanam Padi ini terdapat peruntukan bahawa seseorang tuan tanah yang memberi sewa kepada penanam-penanam padi, apabila hendak menamatkan sewaan itu ataupun sewaan itu telahpun ditamatkan mengikut proses peruntukan perjanjian di antara tuan tanah dengan penanam padi, maka tuan tanah itu perlu mengemukakan permohonan kepada sebuah Lembaga untuk mempertimbangkan sama ada tuan tanah itu berhak untuk mendapatkan balik tanah beliau itu.

Begitulah juga dengan Akta-akta yang lain yang perlu saya sebutkan di sini iaitu Akta Kawalan Sewa, ada juga terdapat peruntukan-peruntukan seumpama itu. Yang penting, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin mendapat penjelasan juga daripada Yang Berhormat Menteri, apakah yang sebenarnya tafsiran "penyewa" di dalam konteks Akta Relif SpesiHk ini. Adakah ini juga termasuk anak-anak penyewa apabila penyewa itu meninggal dunia ataupun waris-waris penyewa seperti yang terdapat di dalam Akta Kawalan Sewa (Rent Control Act). Itu yang pertama saya hendak meminia penjelasan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Penyewaan Penanam-penanam Padi, Mahkamah telahpun membuat keputusan bahawa hanya bagi penyewa-penyewa yang telahpun mengadakan surat sewa mengikut Akta tersebut akan mendapat relif di bawah Akta Penanam-penanam Padi ini. Bagi penyewa-penyewa yang tidak ada surat sewa, yang hanya mengerjakan tanah padi ataupun tanah bendang itu dengan secara sewaan lisan sahaja, maka relifnya boleh dituntut mengikut Common Law di Mahkamah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan di dalam perkara ini, apakah maknanya "penyewa"—itu yang pertama—dan apakah maknanya "sewaan". Adakah ini bermakna bahawa sewaan itu mesti mengikut surat yang bertulis ataupun semua sewaan mesti dibawa ke Mahkamah mengikut pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menark perhatian kepada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi pada masa-masa yang lalu berkenaan dengan kemungkinan berlaku pergaduhan-pergaduhan oleh sebab pemilikan tanah sama ada secara sewa ataupun secara menceroboh ataupun secara haram. Di samping kita ingin mengelakkan pergaduhan berlaku, di samping kita ingin menjamin bahawa keamanan kita tidak diancam supaya ada prosedur mengelakkan keancaman keamanan ini, saya juga ingin, ini pada pendapat saya, melihat supaya hak-hak seseorang itu tidak dicabuli ataupun tidak dihakiskan oleh sebab adanya prosedur-prosedur dan undang-undang ini. Misalannya, bagi tuan tanah yang terpaksa menggunakan peruntukan atau prosedur yang dicadangkan ini, bagaimana pula layanan yang diberi oleh pihak Mahkamah apabila perkara ini dibawa ke Mahkamah.

Adakah bagi seseorang tuan tanah itu apabila membawa perkara-perkara semacam ini ke mahkamah, perlu juga menunggu giliran untuk mendapat relief daripada mahkamah seperti orang lain, sebab kita selalu dengar ada banyak backlog of cases, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang bagi sesuatu kes tanah dan kes-kes civil itu memakan masa yang panjang sampai 5—10 tahun baru dapat dibicarakan. Adakah satu peruntukan atau prosedur yang boleh atau perlu dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mengadakan satu peruntukan undang-undang atau prosedur supaya kes-kes yang semacam ini diberi keutamaan atau

priority di Mahkamah. Ini saya minta pihak Kerajaan memberi penjelasan dalam perkara ini.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Kehakiman tadi, bahawa relief ini atau prosedur ini bukan dikenakan kepada kes-kes yang lain, cuma kepada kes-kes penyewaan sahaja. Tetapi bagi kes-kes lain, seperti pencerobohan kepada harta yang tidak boleh dialih ini, maka pihak tuan tanah masih boleh menggunakan remedi di Common Law ataupun menggunakan kekerasan yang munasabah di bawah Common Law untuk mengeluarkan penceroboh daripada tanah tersebut. Inipun, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu pihak Kerajaan mengadakan peruntukan juga, kalau tidak ada peruntukan undang-undang, sekurang-kurangnya mengadakan peruntukan prosedur supaya perkara ini tidak mengancam keselamatan apabila ada perebutan dari segi pemilikan tanah.

Di masa-masa yang telah sudah, Tuan Yang di-Pertua, apabila berlakunya pencerobohan kepada sesuatu bidang tanah ataupun harta yang lidak beralih, maka pihak yang berkuasa tidak campurtangan atau tidak mengambil apa-apa lindakan sehinggalah berlakunya pergaduhan di antara satu sama lain. Apabila tuan tanah membuat laporan kepada pihak Polis, maka Polis kata, "kami tidak akan ambil apa-apa tindakan sebab tidak ada pergaduhan dan tidak ada jenayah yang berlaku". Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini juga saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya bila berlakunya pencerobohan, maka pihak-pihak yang berkuasa hendaklah dengan segera mengambil tindakan supaya tidak ada berlaku pergaduhan. Perlu diadakan juga prosedur di Mahkamah supaya kes-kes pencerobohan ini dapat didengar oleh pihak Mahkamah dengan segera sama ada dalam masa satu minggu atau dua

minggu dan tidak perlu menunggu giliran sampai 5 tahun atau 10 tahun. Maka ini akan menggalakkan pihak-pihak yang berkenaan untuk mengambil tindakan dengan sendiri atau menggunakan kekerasan di antara satu sama lain.

Jadi, Tuan yang di-Perlu, saya rasa itulah sahaja pendapat yang saya ingin uarakan di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan Akta untuk meminda Akta Relif Spesifik 1950 ini dan dengan ini saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Santubong.

6.07 *ptg.*

Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Relif Spesifik (Pindaan) 1991.

Saya merasa bangga sekali bila mendengar bahawa di Dewan yang mulia ini kita akan mengambil langkah iaitu untuk meminda sesuatu yang saya rasa sudah obsolete, iaitu dengan meminda seksyen 7. Dan langkah ini adalah satu langkah yang sangat dialu-alukan, sebab dengan cara sebegini, iaitu menggunakan civil prosedur atau prosedur melalui mahkamah, adalah satu langkah atau procedure yang lebih teratur dan tidak akan menimbulkan kekerasan, gangguan dan ancaman keselamatan. Sebab setelah mendengar penjelasan tadi mengenai cara Common Law yang selalu digunakan, iaitu menggunakan 'usaha sendiri* atau menggunakan 'kekerasan yang munasabah', saya rasa dengan takrifnya sahaja sudah menimbulkan berbagai-bagai masalah di dalam melaksanakan cara-cara untuk mengatasi masalah relif spesifik.

Jadi, dengan menggunakan takrif 'usaha sendiri' atau 'kekerasan munasabah', adalah satu cara yang terlalu luas dan kalau disalah-gunakan atau salah takrif, definisi itu sangat luas dan sesiapa sahaja yang melakukan sesuatu langkah tidak dapat dipertikaikan sebab takrif itu terpulang kepada keadaan dan orang-orang yang tertentu dan dengan ini bebcrapa implikasi sosial atas tindakan ini, terutama sekali dengan cara pengusiran penyewa-penyewa oleh tuan-tuan tanahnya, akan menimbulkan banyak masalah.

Sebab kita telah mendengar dan kita banyak terbaca bahawa berbagai cara kekerasan iaitu cara mengusir penyewa-penyewa daripada premis tuan-tuan tanah atau tuan-tuan hakmilik harta seperti mcngguna cara gangsterism, dengan izin, ugutan, kekerasan berbentuk menyakitkan orang iaitu, dengan izin, 'causing hurt' kepada penyewa-penyewa dan juga pergaduhan-pergaduhan telah banyak mengancam keselamatan kedua-dua pihak, bukan sebetah pihak sahaja tetapi kedua-dua pihak. Lebih-lebih lagi perkara ini menjadi lebih rumit jika ada masuk-campurnya orang ketiga atau pihak ketiga iaitu pihak 'opportunist' yang kita tidak dapat nafikan banyak berkeliaran sekarang ini.

Jadi, saya rasa cara ini atau langkah kita hendak meminda Akta atau Rang Undang-undang ini adalah satu cara di mana kita sangat-sangat berpegang teguh iaitu kita hendak mempotraykan satu imej masyarakat Malaysia yang sangat penyayang, masyarakat ikram iaitu selaras dengan Wawasan 2020. Saya rasa, kalau ini tidak dipinda dan kita melaung-laungkan Wawasan 2020, ia menimbulkan satu keadaan berkonflik iaitu satu cara primitif dan Wawasan yang begitu berpandangan jauh. Demikian juga seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menieri dan juga negara United

Kingdom yang kita pinjamkan Akta inipun sudah meminda Akta ini. Jadi, kita seharusnya selari juga dengan perkembangan atau kemajuan di tempat lain dan saya rasa amatlah bersesuaian pada masa ini untuk kita mengadakan pindaan ini, iaitu menggunakan cara yang lebih civilised, dengan izin. Sebab saya rasa kita ini adalah semua orang yang lebih civilised, lebih canggih dan semua menumpukan perhatian kepada Wawasan 2020.

Dengan pindaan ini, saya sangat berharap tuan punya tanah atau harta haruslah bersabar dan menyerahkan kepada pihak Mahkamah untuk mengambil tindakan yang seadil-adilnya. Iaitu pihak Mahkamah akan menimbang masalah kedua-dua pihak dan saya rasa keputusan Mahkamah adalah satu keputusan yang begitu mengambil berat tentang tuan punya harta dan juga penyewa-penyewa dalam keadaan ini dan kita cukup yakin bahawa Kerajaan kita akan sentiasa menjaga hak semua pihak di dalam apa juga keadaan dan seperti yang telah dipohonkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, ini adalah satu langkah permulaan di mana perkara-perkara common law yang lain harus juga dipinda, bukan sahaja mengenai masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Alor Setar.

6.14 ptg.

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong cadangan untuk meminda Akta Relif Spesifik, 1950.

Tuan Yang di-Perua, selepas meneliti cadangan-cadangan Pindaan ini, saya dapat lihat bahawa ia cuma melibatkan tiga seksyen iaitu Seksyen 7(1), Seksyen 7(2) dan 7(3), dan ketiga-tiga seksyen ini yang akan dipinda adalah mengenai transaksi di antara tuan rumah ataupun tuan tanah dengan penyewa, ataupun, dengan izin, "the relationship between the landlord and the tenant".

Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, segala tindak-laku ataupun undang-undang yang menguasai transaksi di antara tuan rumah ataupun tuan rumah dan penyewa adalah sebenarnya daripada common law. Sehingga hari ini kita masih tidak mempunyai satu Akta yang mana ia dapat menguasai perhubungan di antara tuan rumah dan penyewa. Pada pendapat saya, orang ramai, baikpun tuan rumah mahupun penyewa selalu terkilan, sebab mereka—apabila seorang penyewa ingin menyewa sebuah rumah, katalah kedua-dua pihak, dia dengan tuan rumah membuai suatu kontrak iaitu agreement, dengan izin, untuk menyewa rumah dan segala syarat-syarat yang menguasai perhubungan di antara kedua pihak ini adalah secara common law dan segala syarat-syarat dimasukkan di dalam surat perjanjian. Apabila berlaku sedikit masalah di antara kedua-dua pihak ini, maksud salah satu pihak dapai menggunakan surat perjanjian itu untuk mencari remedi di Mahkamah.

Pada pendapat saya, kedua-dua seksyen ini akan dipinda dan juga dikanunkan dalam satu Akta iaitu Specific Relief Act adalah salah satu langkah yang amat baik. Kita harus mengambil langkah untuk mengkanunkan common law dalam negara kita supaya semua pihak khususnya tuan rumah ataupun penyewa dapat menyedari hak-hak mereka.

Kedua-dua pindaan yang dicadangkan pada hari ini juga merupakan bersamaan dengan Akta Kawalan Sewa (Rent Control Act), dengan izin, dan juga Akta Penanam Padi (Padi Cultivators Act) yang telahpun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah. Memang saya bersetuju dengan hujah-hujah beliau, sebab dalam Akta Penanam Padi, kalaulah penyewa bendang itu tidak dapat membayar sewa kepada tuan tanah, maka menurut Akta Penanam Padi, tuan tanah ataupun tuan bendang itu tidak dapat menggunakan kekerasan yang agak menasabah untuk menghalau dia daripada bendang itu. Ini adalah bermaksud tuan tanah terpaksa membuat permohonan kepada Mahkamah Sesyen ataupun Mahkamah Tengah supaya satu perintah dapat dikeluarkan dan barulah penyewa dapat dihalau keluar daripada bendang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman saya sebagai seorang peguam, memang saya telah melihat banyak masalah yang telah dihadapi oleh pihak penyewa oleh kerana apabila pihak penyewa tidak dapat membayar sewa ataupun telah melakukan sedikit kesalahan, maka tuan rumah akan mengambil kesempatan yang begitu pantas untuk menghalau penyewa dengan kekerasan yang agak menasabah dan sehingga hari ini, saya percaya undang-undang kta yang mempunyai asal usul dari common law mengi/inkan tuan rumah membuat sedemikian.

Maka dengan adanya dua cadangan ini, saya percaya ianya merupakan satu langkah yang amat baik dan patut dilakukan oleh Kerajaan dan selepas ini jika cadangan ini dapat diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, maka masalah yang dihadapi oleh pihak penyewa rumah akan dapat dihapuskan dari segi mengambil "possession" oleh tuan rumah.

Saya ingin memberi satu misalan, ada setengah penyewa selepas surat perjanjian sewa rumah telah genap ataupun telah tamat, mereka dengan sengajanya tidak mahu keluar dari rumah yang mana mereka sewa dan nampaknya tuan rumah pun tidak mempunyai opsyen untuk menghalaukan penyewa dari rumahnya, sebab bukan semua tuan rumah boleh bertindak sebagai samseng ataupun bukan semua tuan rumah dapat menggunakan kekerasan yang agak munasabah supaya ia dapat menghalau penyewa daripada rumahnya.

Dengan pindaan ini tuan rumah dapat opsyen untuk membuat satu permohonan kepada mahkamah supaya mendapat suatu perintah yang mana selepas perintah diberi, pihak penyewa mesti keluar tanpa sebarang kekacauan atau masalah. Cuma di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, jika pihak tuan rumah terpaksa membuat permohonan kepada mahkamah untuk menghalau penyewanya baikpun penyewa itu tidak bayar sewa mahupun sebab perjanjian sewa telah genap, adakah permohonan tuan rumah ini mendapat keutamaan untuk ditimbang di mahkamah. Sebab seperti kita semua maklum segala kes ataupun segala permohonan yang dimasukkan ke dalam mahkamah, yang dibuat oleh mana-mana pihak memang memakan masa yang panjang dan bukan sahaja ini akan melibatkan kerugian yang amat besar bagi tuan rumah tetapi ini memang tidak selaras dengan keadilan yang dipraktikkan dalam masyarakat kita.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Kehakiman dapat memberi sedikit penjelasan bagaimana mahkamah kita ataupun bagaimana sistem Mahkamah kita dapat memberi keutamaan kepada tuan rumah apabila Mahkamah kita mendapat permohonan dari pihak tuan rumah untuk mengusir penyewa mengikut prosedur yang sedia ada iaitu dengan izin, eviction proceedings.

Jika Mahkamah kita dapat memberi layanan begilue cepat, saya percaya tuan rumah tidak akan mengalami apa-apa kerugian dan akhirnya kedua-dua pihak mendapat proses keadilan dari ststem Mahkamah kita.

Maka dengan kata-kata sedemikian, saya mohon mencadangkan supaya pindaan ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong.

6.24 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, pncndirian parti kita ke atas Rang Undang-undang ini juga ada dibuat oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Bagan tetapi sungguhpun di hadapan Dewan yang mulia ini ialah Rang Undang-undang Relif Spesifik (Pindaan), apa yang kita baru lihat ialah satu operasi relif spesifik kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk menidakkan, untuk membunuh ketiga-tiga Usul DAP yang akan bangkit katau Rang Undang-undang ini dituluskan sebelum masa pannunguhan. Apa relif spesittk? Relif spesifik kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan-Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat teruskan, lima minit sahaja Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Larut ada berkata, "Kerajaan ini Kerajaan demokratik, sebab itu ini adalah Rang Undang-undang Relif Spesifik (Pindaan)," itu kita lihat terang-terang, transparent. Kalau demokratik kenapa membenarkan operasi yang begitu tidak demokratik ini untuk menidakkan, untuk mem-

bunuh Usul-usul yang penting, khususnya Usul yang kelima mengenai kepercayaan, kewibawaan seorang Timbalan Speaker dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. sekarang kita membentangkan Rang Undang-undang Relif Spesifik.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu relif spesifik kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ini sekarang satu exercise memberi relif spesifik kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya boleh tidak demokratik, boleh membunuh ketiga-tiga Usul DAP. Itulah relif spesifik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya hairan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, seorang yang perlu tahu berkenaan dengan prosedur menyatahgunakan demokrasi (*Tepuk*). Dan dalam hal ini walaupun Yang Berhormat membuat beberapa tuduhan, lcbih baik jika Yang Berhormat hendak bercakap berkenaan pindaan, sila, saya boleh memcri jawapan selepasnya tetapi jangan terkeluar daripada apa yang dikemukakan. Sebab itu, saya fikir Yang Berhormat perlu mengikut betul-betul Peraturan Mesyuarai.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang kita mahu ialah semangat demokrasi yang perlu dipatuhi dalam Dewan yang mulia ini dan bukan apa yang kita lihat dimain-mainkan dan apa yang berlaku ialah dimain-mainkah, sangat jelas kepada semua orang termasuk Yang Berhormat

Menteri Kehakiman sendiri pun tahu, dalam hati kecilnya dia tahu apa yang berlaku. Kalau dia jujur, dia ikhlas, dia akan mengakui, saya cabar dia, akuikah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada dua minit sahaja lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ada dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang Kerajaan Barisan Nasional mahu ialah masa yang cukup, beri spesifik relif untuk membunuh cara demokrasi. Demokrasi Barisan Nasional tidak demokratik dan itulati saya harap janganlah menjadi satu tauladan di Dewan ini, apa guna cakap mengenai demokrasi, mengenai masyarakat penyayang (caring society), caring apa, caring sendiri sahaja.

Dan olch kerana apa yang kita dengar semua kita tahu, mesej ada disignal, diberi, ucap sampai masa yang cukup supaya boleh berjaya membunuh ketiga-tiga Usul, bukannya itu tujuannya saya rasa ini tidak sihat.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan boleh.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah segala ucapan dan perbahasan yang dibawa oleh wakil-wakil daripada Barisan Nasional terkeluar daripada Standing Orders?

Tuan Lim Kit Siang: Kita boleh tangkap, kita bukan budak-budak, kanak-kanak. Kita boleh tangkap niat

tidak baik, niat tidak demokratik, niat jahat dalam komplot yang kita lihat tadi itu. Niat yang tidak demokratik, niat yang jahat.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, beri.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Point of order 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, berkaitan dengan topik perbincangan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya beri penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri Kehakiman, dia mahu tanya, dia mahu penjelasan, saya bcri. Mana boleh keluar daripada Peraturan 36(1). Kalau saya keluar, Yang Berhormat Menieri sudah keluar.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat, saya telah kemukakan bahawa saya mengatakan tadi Yang Berhormat membincangkan perkara yang tidak termasuk di dalam pindaan ini. Tetapi Yang Berhormat terus bercakap, sebab itu saya katakan Yang Berhormat tidak faham berkenaan dengan peruntukan-peruntukan ini, undang-undang ini perlu kita memahaminya.

Tuan Lim Kit Siang: Lebih faham bahawa apa yang berlaku ialah menggunakan pindaan Prosiding Relief Act untuk beri spesifik relif kepada tujuan-tujuan tidak demokratik Kerajaan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Masa sudah cukup, baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah

cukup. Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok pukul 2.30 petang,

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.